

**PENGURUSAN KONSERVASI TERHADAP
KOLEKSI ARTIFAK PERANG DUNIA KE II DI
MUZIUM PERANG BANK KERAPU, NEGERI
KELANTAN**

NOOR AQEELA SHAZLEEN BINTI SAIFUL

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2022

KELANTAN



**PENGURUSAN KONSERVASI TERHADAP
KOLEKSI ARTIFAK PERANG DUNIA KE II DI
MUZIUM PERANG BANK KERAPU, NEGERI
KELANTAN**

Oleh

NOOR AQEELA SHAZLEEN BINTI SAIFUL

**Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan dengan Kepujian**

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

(Tanda tangan pelajar)

(Tanda tangan penyelia)

Tarikh:

Nama:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas limpahan rahmat dan kurniaannya saya masih diberi peluang untuk menjalankan penyelidikan terhadap tesis ini. Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada penyelia saya yang banyak membantu saya iaitu Puan Nur Athmar binti Hashim atas bimbingan dan sokongan pada saya untuk menjalankan penyelidikan ini dengan jayanya.

Seterusnya, sekalung penghargaan saya ucapkan kepada pihak Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan, Encik Kamal Nasrun bin Abdullah atas kerjasama yang diberikan sepanjang saya menjalankan penyelidikan dan juga segala ilmu yang diberikan untuk saya menyiapkan penyelidikan ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) Universiti Malaysia Kelantan kerana mengizinkan saya untuk menjalankan penyelidikan tesis ini dan terima kasih juga diucapkan atas segala dorongan yang diberikan.

Seterusnya, ribuan terima kasih saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya dan juga ahli keluarga saya kerana banyak memberi semangat, nasihat dan juga bantuan dalam pelbagai aspek untuk saya menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu saya dalam menyiapkan penyelidikan tesis ini.

Sekian,terima kasih

Noor Aqeela Shazleen binti Saiful

C18A0203

Universiti Malaysia Kelantan

ISI KANDUNGAN

| | Muka Surat |
|----------------------------|-------------------|
| PERAKUAN TESIS..... | I |
| PENGHARGAAN..... | II |
| ISI KANDUNGAN..... | III |
| SENARAI RAJAH..... | VII |
| ABSTRAK..... | IX |
| ABSTRACT..... | X |

BAB 1 PENGENALAN

| | |
|---|----|
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Pengenalan Kajian | 1 |
| 1.2 Kajian Terdahulu | 3 |
| 1.3 Latar Belakang Kajian | 7 |
| 1.4 Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 8 |
| 1.6 Permasalahan Kajian | 9 |
| 1.6.1 Pengurusan Konservasi Dari Aspek Ruang Penyimpanan Yang Kurang Didedahkan Dan Kapasiti Ruang Pameran Yang Kecil | 9 |
| 1.6.2 Penyimpanan Koleksi Artifak Dipengaruhi Oleh Jenis Kerosakan Yang Dialami Oleh Setiap Koleksi | 10 |

| | | |
|---|--|----|
| | Artifak Di Dalam Muzium | 10 |
| | 1.6.3 Kepelbagaian Koleksi Dan Juga Kerosakan | |
| Yang | Berlainan Mempengaruhi Kaedah Dalam | 11 |
| Memelihara | Dan Memelihara Koleksi Artifak | 14 |
| | 1.7 Lokasi Kajian | 15 |
| | 1.8 Kepentingan Kajian | 17 |
| | 1.9 Skop Kajian | |
| | 1.10 Struktur Tesis | |
| | 1.11 Rumusan | |
| BAB 2 KONSERVASI ARTIFAK DI MALAYSIA | | |
| | 2.1 Pengenalan | 18 |
| | 2.2 Konservasi Artifak | 18 |
| | 2.2.1 Konservasi Kuratif | 19 |
| | 2.2.2 Konservasi Preventif | 20 |
| | 2.2.3 Pemeliharaan | 21 |
| | 2.2.4 Pemuliharaan | 21 |
| | 2.3 Konservasi Meriam Era King George II | 22 |
| | 2.4 Konservasi Terhadap Koleksi Artifak Kain Limar Songket | 23 |
| | 2.5 Konservasi Artifak Meriam Nassau | 24 |
| | 2.6 Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II Muzium Perang Bank | 26 |
| Kerapu | | 27 |

2.7 Rumusan Bab 2

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

| | |
|---------------------------|----|
| 3.1 Pengenalan | 28 |
| 3.2 Metodologi Kajian | 28 |
| 3.2.1 Kaedah Kualitatif | 30 |
| 3.3 Sumber Sekunder | 30 |
| 3.3.1 Kaedah Perpustakaan | 32 |
| 3.4 Sumber Primer | 34 |
| 3.4.1 Kaedah Temubual | 35 |
| 3.4.2 Demografi Temubual | 40 |
| 3.4.3 Kaedah Pemerhatian | 42 |
| 3.4.4 Kaedah Catatan | 45 |
| 3.5 Rumusan Bab 3 | 46 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | |
|---|----|
| 4.1 Pengenalan | 48 |
| 4.2 Proses Pengurusan Konservasi Terhadap Koleksi Artifak | 49 |
| Perang | |
| Dunia Ke II Di Muzium Perang Bank Kerapu | 49 |
| 4.2.1 Perolehan Artifak | 54 |
| 4.2.2 Pendaftaran Koleksi | 56 |

| | | |
|--------------------------------------|---|----|
| 4.2.3 | Pendokumentasian | 56 |
| 4.2.4 | Penyelidikan Konservasi | 57 |
| 4.2.5 | Konservasi | 57 |
| 4.2.6 | Penyimpanan Koleksi | 63 |
| 4.3 | Jenis-Jenis Kerosakan Yang Terdapat Pada Artifak Perang | |
| Dunia | | 63 |
| Ke II | | 64 |
| 4.3.1 | Pengaratan | 64 |
| 4.3.2 | Debu Halus | 65 |
| 4.3.3 | Berlubang | 65 |
| 4.4 | Proses Pemeliharaan Yang Dijalankan Oleh Pihak Muzium | 66 |
| 4.4.1 | Pembersihan | 67 |
| 4.4.2 | Cucian | 67 |
| 4.4.3 | Pengeringan | 70 |
| 4.4.4 | Penyimpanan | |
| 4.5 | Rumusan Bab 4 | |
| BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN | | |
| 5.1 | Pengenalan | 72 |
| 5.2 | Rumusan | 72 |
| 5.3 | Cadangan | 73 |
| 5.3.1 | Penambahan Maklumat Mengenai Artifak | 73 |
| 5.3.2 | Penambahbaikan Laman Sesawang Muzium | 74 |
| Perang | | |

| | | |
|--------|---|----|
| | Bank Kerapu | 75 |
| | 5.3.3 Menggunakan Sistem Pendigitalan Dalam | 75 |
| Muzium | | 76 |
| | 5.3.4 Pengubahsuaian Lokasi Penyimpanan | 77 |
| | 5.4 Kesimpulan | |
| | 5.5 Rujukan | |

| SENARAI RAJAH | | MUKA SURAT |
|----------------------|---|-------------------|
| Rajah 1.1 | Peta Negeri Kelantan | 12 |
| Rajah 1.2 | Peta Lokasi Muzium Perang Bank Kerapu | 13 |
| Rajah 3.1 | Carta Alir Metodologi Kajian | 29 |
| Rajah 3.2 | Koleksi Artifak Tinggalan Tentera Jepun | 31 |
| Rajah 3.3 | Carta Alir Proses Temu Bual | 34 |
| Rajah 3.4 | Penyelidik Menghubungi Pihak Muzium Perang Melalui Email | 36 |
| Rajah 3.5 | Pengenalan Diri Kepada Pembantu Muzium | 38 |
| Rajah 3.6 | Sesi Temubual Bagi Objektif Pertama | 39 |
| Rajah 3.7 | Sesi Temubual Bagi Objektif Ketiga | 40 |
| Rajah 3.8 | Pengkaji Bersama Encik Kamal Nasrun Bin Abdullah Di Muzium Perang Bank Kerapu | 41 |
| Rajah 3.9 | Penyelidik Menghubungi Pihak Muzium Untuk Menetapkan Tarikh Kajian Lapangan | 42 |
| Rajah 3.10 | Muzium Perang Bank Kerapu, Negeri Kelantan | 43 |
| Rajah 3.11 | Pemerhatian Terhadap Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II | 44 |

| | | |
|------------|---|----|
| Rajah 3.12 | Pemerhatian Terhadap Koleksi Artifak Pedang Tinggalan Sejarah Perang Dunia Ke II | 44 |
| Rajah 3.13 | Hasil Catatan Yang Diperolehi Daripada Pengalaman Rakan Penyelidik | 46 |
| Rajah 4.1 | Carta Alir Perolehan Koleksi Artifak Melalui Hadiah Atau Sumbangan | 51 |
| Rajah 4.2 | Carta Alir Perolehan Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II Melalui Pembelian | 53 |
| Rajah 4.3 | Carta Alir Pengurusan Pendaftaran Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II | 55 |
| Rajah 4.4 | Carta Alir Pengurusan Penyimpanan Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II | 58 |
| Rajah 4.5 | Artifak Basikal Tentera Jepun Dalam Ruang Penyimpanan Terbuka | 59 |
| Rajah 4.6 | Mesingan Browning 0.303 Dalam Ruangan Penyimpanan Terbuka | 60 |
| Rajah 4.7 | Topi Besi Brodie, Topeng Gas British MK VII, Dan Beg Gas British MK VII Dalam Ruangan Penyimpanan Bekas Kaca | 61 |
| Rajah 4.8 | Banet British Yang Diletakkan Dalam Ruangan Penyimpanan Bekas Kaca | 62 |
| Rajah 4.9 | Pingat Pacific Star, Tempat Letak Sabun Dan Sarung Pistol British Yang Hanya Dibersihkan Daripada Debu Halus Sebelum Disimpan Ke Dalam Bekas Kaca | 68 |
| Rajah 4.10 | Bot Pendaratan Tentera Yang Disapu Minyak Hitam Bagi Mengelakkan Pengkaratan Yang Menyebabkan Kerapuhan Artifak Tersebut | 69 |

**PENGURUSAN KONSERVASI TERHADAP KOLEKSI ARTIFAK PERANG
DUNIA KE II DI MUZIUM PERANG BANK KERAPU, NEGERI KELANTAN**

ABSTRAK

Kursus Projek Penyelidikan merupakan kursus wajib bagi pelajar tahun akhir dalam Pengajian Warisan. Dalam memenuhi sukatan kursus ini, satu kajian mengenai Pengurusan Konservasi Terhadap Koleksi Artifak Perang Dunia ke II di Muzium Perang Bank Kerapu, Negeri Kelantan telah dijalankan. Kajian ini dijalankan dengan memfokuskan kepada objektif kajian yang telah dipilih. Terdapat tiga objektif kajian yang telah dipilih iaitu mengkaji pengurusan konservasi terhadap koleksi artifak Perang Dunia ke II di Muzium Perang Bank Kerapu, mengidentifikasikan jenis-jenis kerosakan pada artifak Perang Dunia ke II dan juga untuk mengetahui proses pemeliharaan yang dijalankan oleh pihak muzium terhadap koleksi artifak Perang Dunia ke II. Ketiga-tiga objektif kajian ini dicapai melalui kaedah-kaedah yang digunakan dalam metodologi kajian. Penggunaan metodologi kajian dapat membantu menjawab objektif kajian dengan lebih terperinci. Kajian yang dijalankan ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan untuk kajian pada masa akan datang dan bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme kepada masyarakat melalui kajian yang dilakukan yang berkaitan dengan koleksi artifak hasil tinggalan sejarah Perang Dunia II yang banyak memberi kesan kepada masyarakat lampau

**CONSERVATION MANAGEMENT OF THE COLLECTION OF WORLD WAR
II ARTIFACTS AT THE WAR MUSEUM OF THE GROUPER BANK,
KELANTAN**

ABSTRACT

Research Project Course is a compulsory course for final year students in Heritage Studies. In fulfilling the syllabus of this course, a study on Conservation Management Against the Collection of World War II Artifacts at the Bank Perang Museum, Kelantan was conducted. This study is carried out focusing on the objectives of the study that has been selected. There are three objectives of the study selected which are to study the conservation management of the collection of World War II artifacts at the Civil War Museum of kerapu Bank, identify the types of damage to World War II artifacts and also to know the preservation process carried out by the museum against the collection of World War II artifacts. All three objectives of this study are achieved through the methods used in the methodology of the study. The use of study methodology can help to answer the objectives of the study in more detail. This study can be used as a reference material for future studies and aims to inculcate the spirit of patriotism to the community through studies done related to the collection of artifacts from the history of World War II that have had a lot of impact on the past society

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Berdasarkan kepada tajuk penyelidikan, kajian ini memfokuskan kepada penyelidikan mengenai pengurusan konservasi terhadap setiap koleksi artifak Perang Dunia ke II yang terdapat di dalam Muzium Perang Bank Kerapu. Penyelidikan ini melibatkan proses konservasi dan restorasi terhadap koleksi-koleksi artifak Perang Dunia ke II termasuklah proses penyimpanan dan penstoran koleksi tersebut. Dalam bab pertama, penyelidik menerangkan mengenai pengenalan kepada penyelidikan, latar belakang kajian, kajian terdahulu, objektif kajian, persoalan kajian, permasalahan kajian, lokasi kajian dan juga skop kajian.

1.1.1 Pengenalan Kajian

Dalam penyelidikan ini membincangkan mengenai Pengurusan Konservasi Terhadap Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II Di Muzium Perang Bank Kerapu, Negeri Kelantan. Menurut laman web rasmi Perbadanan Muzium Perang Bank Kerapu (n.d.), Perang Dunia Ke II merupakan tragedi hitam yang pernah berlaku di Negeri Kelantan sekitar tahun 1939 sehingga tahun 1945. Tragedi Perang Dunia ke II ini meninggalkan sejarah hitam kepada penduduk setempat pada ketika itu. Akibat daripada peperangan tersebut banyak sejarah hitam yang ditinggalkan dan memberi kesan terhadap masyarakat bukan sahaja pada ketika itu, malah turut terasa hingga ke hari ini. Selain itu, terdapat juga tinggalan peperangan seperti peralatan-peralatan senjata yang digunakan

untuk berperang dan juga peralatan lain yang digunakan dalam kehidupan seharian. Tinggalan Perang Dunia ke II ini dikenali sebagai artifak Perang Dunia ke II yang telah di kumpul bersama di dalam Memorial Perang Dunia ke II atau lebih dikenali juga sebagai Muzium Perang Bank Kerapu. Muzium ini terletak di kawasan bandar Kota Bharu iaitu berada berdekatan Jalan Hospital, Bandar Kota Bharu Negeri Kelantan.

Pengurusan dalam permuziuman merangkumi banyak aspek termasuk pengurusan dalam konservasi, pengurusan organisasi dan juga pengurusan koleksi. Setiap pengurusan yang ada perlu dilaksanakan mengikut garis panduan dalam setiap muzium atau galeri. Pengurusan konservasi dapat dirumuskan sebagai kerja-kerja mengurus koleksi-koleksi artifak daripada permulaan artifak tersebut ditemui sehingga kerja konservasi dilakukan sebelum disimpan ke dalam penstoran atau ruang pameran. Pengurusan ini hanya akan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang diberi tugas untuk menjalankan kerja-kerja ini mengikut bidang yang telah dikhususkan kepada mereka.

Pengurusan konservasi terhadap koleksi artifak perlu dititikberatkan dalam semua institusi penjagaan atau juga dikenali sebagai muzium atau galeri. Setiap koleksi artifak Perang Dunia ke II perlu menjalani proses pengurusan konservasi yang lebih teratur agar kerosakan yang sedia tidak bertambah. Pengurusan yang lebih teratur juga akan dapat membantu mengekalkan warisan yang ada pada koleks-koleksi artifak Perang Dunia ke II. Konservasi merupakan proses mengekalkan atau merawat sesuatu artifak, bangunan atau tapak warisan untuk memelihara dan memulihara nilai sejarah artifak, bangunan atau sesuatu tapak. Pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap

koleksi artifak perang ini adalah penting kerana artifak merupakan koleksi bersejarah dalam negara dan mempunyai nilai yang tinggi dalam negara. Oleh itu, penyelidik menjalankan kajian ini untuk mempelajari dan mengetahui dengan lebih mendalam mengenai pengurusan konservasi terhadap koleksi-koleksi artifak ini.

1.2 Kajian Terdahulu

Dalam menjalankan penyelidikan ini, penyelidik telah merujuk kepada beberapa rujukan daripada bahan bacaan seperti jurnal-jurnal untuk menambahkan pengetahuan dalam kajian ini. Daripada satu kajian lepas yang dilakukan oleh Zubaida Hassan (2012) dalam penulisan jurnalnya yang bertajuk *Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan: Kajian Di Jabatan Muzium Malaysia*, muzium dikenali sebagai sebuah tempat untuk menjaga koleksi-koleksi warisan bersejarah. Institusi seperti permuziuman ini mempunyai kepentingan untuk ditubuhkan bagi mengumpul, menjaga serta melakukan kerja-kerja pemeliharaan atau pemuliharaan melalui proses konservasi. Penubuhan muzium dalam negara adalah penting kerana boleh dijadikan sebagai pusat rujukan bagi koleksi-koleksi warisan di dalamnya. Segala koleksi dan simpanan di dalam muzium merupakan harta berharga bagi negara. Penyimpanan koleksi-koleksi artifak di dalam muzium membolehkan koleksi artifak tersebut dapat dijaga dan dipulihara semula dengan menggunakan beberapa kaedah penjagaan koleksi artifak di dalam muzium. Misalnya, penjagaan koleksi dengan menjalankan kerja-kerja konservasi dengan lebih terperinci dan melindungi koleksi daripada berlakunya kerosakan tambahan.

Daripada sumber rujukan yang ditulis oleh Nurulnadia binti Mohamed (2013) dalam penulisan Pemuliharaan Tembaga di Muzium Negeri Terengganu, beliau menyebut bahawa pihak yang terlibat dalam kerja-kerja konservasi seperti pemuliharaan mempunyai tanggungjawab untuk menjaga khazanah warisan yang telah diperolehi agar dapat tahan lebih lama untuk generasi yang akan datang. Melalui rujukan melalui penulisan beliau, masyarakat dan pihak muzium seharusnya menyedari kepentingan dalam memelihara dan juga memulihara koleksi-koleksi warisan yang terdapat dijumpai bukan sahaja bagi pihak muzium, malah juga penting kepada pihak yang menyimpan koleksi-koleksi warisan bersejarah. Penjagaan ini bukan sahaja dijalankan terhadap koleksi lama, namun pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap koleksi lama seperti artifak juga penting. Setiap koleksi yang disimpan di dalam muzium adalah berharga. Proses pemeliharaan dan juga pemuliharaan perlu dijalankan mengikut beberapa prosedur yang telah ditetapkan dalam garis panduan untuk membantu membuatkan koleksi-koleksi untuk tahan lebih lama. Pameran koleksi-koleksi lama ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan bahan untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan mengenai sejarah dan bidang konservasi kepada masyarakat akan datang.

Melalui sebuah artikel daripada penulisan Norsimah binti Lakassa "Pengurusan koleksi merupakan antara aspek penting dalam sesebuah muzium kerana tanpa pengurusan yang baik, koleksi yang dimiliki akan mengalami kemusnahan". Barisan petikan ini diambil daripada artikel yang ditulis oleh Noraimah binti Lakassa (2007). Melalui rujukan terhadap kajian lepas ini, penyelidik mendapati bahawa setiap pengurusan koleksi perlu dilaksanakan dengan baik dan teratur agar mematuhi garis panduan yang

ditetapkan. Pengurusan koleksi yang dipatuhi akan dapat membantu melindungi koleksi-koleksi artifak yang terdapat di dalam muzium daripada berlakunya sebarang kerosakan atau kecuaiian yang berlaku disebabkan oleh manusia. Pengurusan koleksi ini bukan hanya tertakluk kepada koleksi-koleksi artifak di dalam muzium, malah turut di dalam institusi-institusi penyimpanan lain seperti Galeri Pameran. Pengurusan terhadap koleksi adalah bermula daripada perolehan koleksi artifak sehingga proses penyimpanan. Proses perolehan koleksi ini mengambil kira aspek-aspek seperti perolehan melalui pinjaman, pembelian dan juga sewaan. Proses pengurusan ini perlu dijalankan mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam setiap muzium.

Konservasi merupakan aktiviti mengurus dan mengekalkan warisan yang terdapat pada sesuatu objek, tapak atau bangunan dengan pelbagai cara untuk meningkatkan kepentingannya. Menurut Zamrul Amri Zakaria dan rakan-rakannya Muhammad Daud dan Azali Muhammad dalam sebuah buku *Konservasi Artifak Meriam Sejarah Kaedah Saintifik*, konservasi adalah memastikan pihak yang mempunyai artifak sama ada secara persendirian mahupun pihak muzium untuk menjaga dan mengawal artifak yang dimiliki dengan baik. Mereka juga menakrifkan konservasi seperti

“sebarang aktiviti atau tindakan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memanjangkan tempoh hayat sesuatu artifak. Ini termasuklah aktiviti pemeriksaan, pembersihan, rawatan, pemantauan dan pendokumentasian supaya ia kekal dan boleh dipamerkan kepada masyarakat.

Proses konservasi ini terbahagi kepada dua iaitu konservasi kuratif dan juga konservasi preventif. Kerja-kerja dalam konservasi ini akan dilakukan oleh para

konservator yang memiliki kemahiran yang khusus dalam bidang konservasi mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam mana-mana institusi permuziuman mahupun galeri.

Menurut sebuah jurnal yang ditulis oleh Abd Wahid Jais dan rakannya Abd Aziz Abd Rashid (2007) yang bertajuk *Artifak Peradaban Melayu Dalam Koleksi Muzium Seni Asia Universiti Malaysia: Usaha Mewujudkan Inventori Budaya*, artifak dihasilkan daripada bahan-bahan semula jadi seperti kayu, tanah, logam, batu dan juga fiber. Keaslian artifak ini dapat dilihat perbezaannya dengan artifak tiruan kerana artifak yang asli merupakan artifak yang telah lama dihasilkan oleh manusia. Perbezaan ini juga dapat dilihat perbezaannya daripada keadaan dan kesan guna terhadap artifak itu sendiri lebih-lebih lagi pada artifak-artifak batu. Dalam Muzium Perang Bank Kerapu, segala artifak yang diperolehi akan disimpan dalam muzium sebagai rujukan dan juga kajian para pengkaji. Dalam Muzium Perang Bank Kerapu, artifak-artifak yang disimpan di dalam muzium tersebut merupakan artifak kesan tinggalan peperangan ketika Perang Dunia Ke II. Artifak-artifak seperti senjata api, kapak, logam dan senjata yang lainnya diperbuat daripada logam. Walaubagaimana pun terdapat juga artifak yang didapati di dalam Muzium Perang iaitu artifak yang digunakan dalam aktiviti seharian ketika zaman peperangan tersebut.

Daripada Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman pula dalam kajiannya *Artifak Kebudayaan Melayu: Sumbangan Arkeologi dan Arkeologis*, beliau mengatakan bahawa artifak merupakan bahan material yang telah diciptakan oleh manusia berdasarkan kepada pemikiran mereka terhadap persekitaran. Daya pemikiran mereka adalah merujuk kepada alatan-alatan yang digunakan oleh manusia dalam kehidupan seharian. Misalnya, alat perhiasan termasuk

pakaian, alatan yang digunakan untuk memasak, bahan-bahan seramik, senjata dan juga alatan yang digunakan dalam perkuburan. Dalam Muzium Perang Dunia Ke II, terdapat artifak seperti alatan-alatan yang sama fungsinya yang diciptakan oleh manusia. Misalnya, alatan senjata juga merupakan hasil daripada pemikiran manusia yang mempunyai fungsi untuk digunakan semasa berperang. Artifak-artifak ini pada asalnya dicipta untuk tujuan tertentu dan mempunyai fungsi tertentu.

1.3 Latar Belakang Kajian

Penyelidikan ini membincangkan mengenai pengurusan konservasi terhadap koleksi artifak yang terdapat di dalam Muzium Perang Bank Kerapu, Negeri Kelantan. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui setiap kaedah dan langkah pengurusan dalam konservasi bagi koleksi-koleksi artifak yang terdapat di dalam Muzium Perang tersebut. Dalam setiap muzium, proses pengurusan ini dilakukan adalah bertujuan untuk menjaga dan melindungi koleksi-koleksi artifak daripada berlakunya kerosakan tambahan. Dalam penyelidikan yang dijalankan, terdapat beberapa kaedah pengurusan konservasi yang dilakukan terhadap koleksi-koleksi artifak.

Pengurusan konservasi ini dilakukan pada setiap artifak-artifak yang diterima masuk dalam Muzium Perang Bank Kerapu. Beberapa prosedur dan langkah dalam pengurusan konservasi yang perlu dilaksanakan bermula daripada penyelidikan terhadap koleksi sebelum diterima masuk ke dalam muzium. Langkah ini diikuti oleh langkah seterusnya iaitu perolehan koleksi yang mempunyai beberapa kaedah iaitu seperti perolehan melalui hasil

jumpaan daripada lapangan, perolehan melalui pinjaman, perolehan melalui pembelian dan seterusnya perolehan melalui sewaan. Seterusnya, koleksi-koleksi artifak yang diperolehi ini akan didaftarkan dan didokumentasikan sebelum melalui proses konservasi. Setelah proses konservasi dilakukan, penstoran atau pameran akan dilakukan terhadap koleksi artifak. Bagi koleksi artifak Perang Dunia ke II, terdapat koleksi yang disimpan di dalam stor selepas dikonservasikan dan terdapat juga koleksi yang diletakkan di ruang pameran muzium tersebut.

1.4 Objektif Kajian

Melalui kajian terhadap Pengurusan Konservasi Terhadap Koleksi Artifak Perang Dunia ke II di Muzium Perang Bank Kerapu, Negeri Kelantan, terdapat tiga objektif bagi kajian penyelidikan ini:

- 1.4.1 Untuk mengkaji proses pengurusan konservasi terhadap koleksi artifak Perang Dunia ke II di dalam Muzium Perang
- 1.4.2 Untuk mengidentifikasikan jenis-jenis kerosakan pada artifak Perang Dunia ke II.
- 1.4.3 Untuk mengetahui proses pemeliharaan yang dijalankan oleh pihak muzium terhadap koleksi Perang Dunia ke II.

1.5 Persoalan Kajian

Dalam penyelidikan ini, beberapa persoalan kajian telah dikenalpasti:

- 1.5.1 Bagaimanakah pengurusan konservasi artifak Perang Dunia ke II di Muzium dilaksanakan?
- 1.5.2 Apakah jenis kerosakan yang berlaku pada artifak Perang Dunia ke II?
- 1.5.3 Bagaimanakah kaedah pemeliharaan yang digunakan pada artifak Perang Dunia ke II di Muzium Perang Bank Kerapu?

1.6 Permasalahan Kajian

Melalui penyelidikan ini, beberapa permasalahan kajian dikenalpasti yang membawa kepada objektik kajian yang dipilih:

1.6.1 Pengurusan Konservasi Dari Aspek Ruang Penyimpanan Yang Kurang Didedahkan Dan Kapasiti Ruang Pameran Yang Kecil

Pengurusan dalam aspek penstoran merupakan antara prosedur yang dilakukan dalam pengurusan konservasi bagi setiap institusi permuziuman. Melalui kajian yang dilakukan di dalam laman web, koleksi-koleksi artifak Perang Dunia ke II kurang didedahkan penyimpanannya. Seterusnya, ruang pameran yang kecil dan kelihatan sempit menjadi permasalahan dalam kajian ini. Ruang penyimpanan dan juga ruang pameran akan mempengaruhi jangka hayat bagi koleksi-koleksi yang diperolehi oleh sesebuah muzium. Susun atur dan penyimpanan koleksi artifak diruang pameran muzium sangat dititikberatkan bagi menjaga dan mengawal koleksi artifak daripada terdedah kepada kerosakan tambahan. Permasalahan kajian ini mendorong penyelidik untuk menjalankan penyelidikan mengenai pengurusan konservasi terhadap

koleksi artifak dengan lebih mendalam di Muzium Perang Bank Kerapu, Negeri Kelantan.

1.6.2 Penyimpanan Koleksi Artifak Dipengaruhi Oleh Jenis Kerosakan Yang Dialami Oleh Setiap Koleksi Artifak Di Dalam Muzium.

Penyimpanan koleksi artifak merupakan antara prosedur penting dalam sesebuah muzium. Kerosakan yang berlaku pada setiap artifak akan mempengaruhi lokasi penyimpanan koleksi tersebut. Di dalam Muzium Perang Bank Kerapu, terdapat banyak koleksi artifak hasil tinggalan Perang Dunia ke II tersebut. Setiap koleksi artifak Perang Dunia ke II ini telahpun mengalami kerosakan disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Disebabkan wujudnya kepelbagaian jenis koleksi artifak di dalam Muzium Perang Bank Kerapu, kerosakan yang dialami oleh setiap koleksi juga adalah berlainan sesama sendiri. Keadaan ini menjadi permasalahan dalam kajian yang dijalankan. Kerosakan pada koleksi artifak akan mempengaruhi ketahanan dan Riwayat koleksi tersebut. Hal ini mendorong penyelidik untuk menjalankan penyelidikan mengenai jenis-jenis kerosakan yang terdapat pada koleksi artifak Perang Dunia ke II.


1.6.3 Kepelbagaian Koleksi Dan Juga Kerosakan Yang Berlainan Mempengaruhi Kaedah Dalam Memelihara Dan Memulihara Koleksi Artifak.

Dalam pengurusan koleksi, proses pemeliharaan dan juga pemuliharaan koleksi adalah penting untuk menjaga koleksi daripada mengalami kerosakan

tambahan. Beberapa kaedah boleh digunakan dalam proses pemeliharaan dan juga pemuliharaan koleksi artifak Perang Dunia ke II. Walaubagaimana pun, kaedah yang digunakan dalam proses ini adalah berbeza mengikut jenis dan juga kerosakan yang terdapat pada koleksi-koleksi tersebut. Kaedah ini juga hanya dapat ditentukan oleh tahap kerosakan sesuatu koleksi artifak sama ada mengalami kerosakan tahap ringan, sederhana dan juga kerosakan di tahap yang teruk. Hal ini mendorong penyelidik untuk mengkaji dengan lebih dalam dan terperinci mengenai kaedah yang digunakan dalam memelihara dan memulihara koleksi artifak Perang Dunia ke II yang terdapat di dalam Muzium Perang Bank Kerapu.

1.7 Lokasi Kajian

Kajian penyelidikan ini dijalankan tertumpu di Negeri Kelantan iaitu di lokasi terletaknya Muzium Perang Bank Kerapu. Negeri Kelantan merupakan antara negeri yang terletak di bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan berhdapan dengan Laut China Selatan. Keluasan negeri ini adalah 17100km bersamaan dengan 6600 batu persegi. Negeri Kelantan merupakan negeri yang terletak di antara Negeri Perak, Terengganu dan juga Negeri Pahang.




Rajah 1.1: Peta Negeri Kelantan

Sumber: <http://kelatekito.blogspot.com/2016/11/peta-negeri-kelantan>

Rajah 1.1 menunjukkan peta bagi Negeri Kelantan. Negeri Kelantan mempunyai 10 buah daerah jajahan seperti yang terdapat dalam peta Negeri Kelantan di atas. Negeri Kelantan mempunyai 10 buah daerah jajahan iaitu Tumpat, Kota Bharu, Tanah Merah, Pasir Mas, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Jeli, Kuala Krai dan juga Gua Musang. Dalam rajah di atas menunjukkan Gua Musang sebagai daerah yang terbesar di Negeri Kelantan. Kota Bharu merupakan ibu negeri bagi negeri tersebut.

Bandar Kota Bharu mula dibuka sejak tahun 1844 iaitu semasa pemerintahan Sultan Muhammad II. Pusat perniagaan dan juga Pusat Pentadbiran bagi juga terletak di kawasan bandar Kota Bharu yang mana terdapat juga Pasar Besar Negeri Kelantan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Masjid Sultan Ismail Petra yang terletak di Bandar Kota Bharu. Kota Bharu telah dibuka sebagai Ibu Negeri Kelantan bagi menggantikan Kota Saba. Lokasi Kota Saba yang sering mengalami banjir menyebabkan kota tersebut tidak sesuai dijadikan Pusat Pentadbiran. Pada 25 Julai 1991, Kota Bharu

diisytiharkan sebagai Kota Budaya dan seterusnya diisytiharkan sebagai Bandar Raya Islam pada 1 Oktober 2005.



Rajah 1.2: Peta Lokasi Muzium Perang Bank Kerapu

Sumber: <http://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/muzium3/muzium-perang-bank-kerapu>

Rajah 1.2 menunjukkan peta lokasi Muzium Perang Bank Kerapu. Daripada rujukan di dalam peta ini, lokasi muzium ini terletak berdekatan dengan Jalan Pejabat Pos Lama. Muzium Perang Bank Kerapu terletak di daerah jajahan bandar Kota Bharu. Lokasi muzium ini adalah terletak di kawasan bandar berdekatan dengan kawasan pusat membeli-belah di bandar tersebut. Jarak bangunan Muzium Perang dengan bandar adalah lebih kurang 0.5 kilometer. Lokasi muzium ini terletak di Bandar Kota Bharu iaitu berdekatan dengan Jalan Hospital, 15000 Kota Bharu Kelantan. Bangunan muzium ini terletak pada koordinat 6.1278° N, 102.2855° E.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah mengenai Pengurusan Konservasi Terhadap Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II Di Muzium Perang Bank Kerapu. Kajian ini mempunyai kepentingan bukan sahaja terhadap penyelidik, malah juga turut penting kepada masyarakat. Kepentingan kajian ini kepada penyelidik adalah penyelidik akan dapat memenuhi dan menjawab objektif kajian yang dipilih iaitu mengetahui lebih dalam lagi mengenai cara pengurusan konservasi terhadap koleksi artifak Perang Dunia ke II yang dijalankan di Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan. Di samping itu, melalui kajian yang dijalankan ini, penyelidik akan dapat mengetahui jenis kerosakan yang terdapat pada koleksi-koleksi artifak Perang Dunia ke II tersebut. Seterusnya, kajian ini juga penting untuk memberi pendedahan mengenai kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap koleksi artifak lama.

Seterusnya, bagi kepentingan terhadap masyarakat pula, masyarakat boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan mereka untuk pencarian mengenai artifakinggalan Perang Dunia ke II lebih-lebih lagi bagi pengkaji pada masa akan datang. Selain itu, kajian ini akan dapat membantu dalam memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kaedah-kaedah dalam proses pemeliharaan dan juga pemuliharaan koleksi artifak.

1.9 Skop Kajian

Dalam kajian yang dijalankan, skop kajian hanya tertumpu di lokasi kajian iaitu di Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan. Seajar dengan objektif kajian ini, skop kajian dilakukan terhadap koleksi artifak Perang Dunia ke II yang

terdapat di dalam Muzium Perang tersebut. Penyelidik memfokuskan kajian mengenai pengurusan konservasi terhadap koleksi artifak Perang Dunia ke II Muzium Perang Bank Kerapu di Negeri Kelantan. Setiap langkah pengurusan ini akan dikenalpasti dan dicatatkan bagi mengetahui bagaimana cara untuk menguruskan setiap koleksi yang terdapat di dalam Muzium Perang tinggalan sejarah peperangan Perang Dunia ke II tersebut.

Seterusnya, kajian ini memfokuskan kepada pengenalpastian kepada kerosakan yang ada pada artifak Perang Dunia ke II di muzium tersebut. Dalam proses pengenalpastian kerosakan ini, penyelidik akan mencatatkan setiap kerosakan yang terdapat pada koleksi artifak Perang Dunia ke II yang terdapat di dalam muzium tersebut untuk tujuan analisis data.

Selain itu, kajian ini juga memfokuskan kepada kaedah pemeliharaan yang dijalankan oleh pihak muzium terhadap artifak Perang Dunia ke II Muzium Perang Bank Kerapu. Melalui kaedah ini, penyelidik akan mengadakan sesi temu bual bersama pihak Muzium Perang untuk mengetahui kaedah yang mereka gunakan untuk memelihara koleksi artifak Perang Dunia ke II. Hasil daripada sesi temu bual akan dianalisis sebagai maklumat data.

1.10 Struktur Tesis

Bab 1: Pengenalan

Dalam bab 1, penyelidik membentangkan mengenai pengenalan terhadap kajian yang dijalankan. Penyelidik memberi fokus kepada lokasi dimana kajian ini dijalankan. Seterusnya, penyelidik juga menerangkan mengenai objektif kajian yang akan dikaji serta persoalan kajian yang akan

membantu menjawab kajian yang dijalankan terhadap tajuk kajian. Selain itu, dalam bab ini juga, membentangkan permasalahan kajian untuk menjelaskan mengapa kajian ini dijalankan di kawasan tersebut. Seterusnya, penyelidik juga menyatakan kepentingan kajian ini dijalankan serta skop kajian ini yang dinyatakan dalam bab ini.

Bab 2: Konservasi Artifak Sejarah di Malaysia

Dalam bab 2 ini, penyelidik akan menerangkan secara terperinci mengenai makna konservasi artifak. Penyelidik terlebih dahulu menerangkan mengenai makna konservasi diikuti dengan makna konservasi artifak. Seterusnya, penyelidik memberikan beberapa contoh bagi artifak yang pernah melalui proses konservasi di Malaysia. Selain itu, dalam bab ini penyelidik juga akan menjelaskan mengenai proses dan juga peringkat konservasi dijalankan terhadap koleksi-koleksi artifak di Malaysia. Antara koleksi artifak yang terlibat adalah seperti Meriam dan beberapa koleksi yang mempunyai kaitan dengan artifak bersejarah di Malaysia. Pemilihan koleksi artifak yang pernah dikonservasikan ini sedikit sebanyak mempunyai kaitan dan persamaan dengan koleksi artifak yang terdapat di dalam Muzium Perang Bank Kerapu.

Bab 3: Metodologi Kajian

Dalam bab 3, penyelidik membentangkan mengenai beberapa kaedah kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini bagi mendapat maklumat dan data. Penyelidik menjelaskan secara terperinci mengenai kaedah kualitatif

dan kaedah kuantitatif yang digunakan untuk memperoleh maklumat berdasarkan beberapa sumber iaitu sumber primer dan juga sumber sekunder.

1.11 Rumusan Bab

Pengurusan koleksi artifak merupakan sesuatu proses yang penting untuk dilakukan ke atas setiap koleksi artifak di dalam muzium. Kerja-kerja pengurusan seperti penyimpanan, penstoran dan proses konservasi lain adalah penting sebelum dipamerkan di dalam muzium sebagai tatapan dan rujukan umum. Pengurusan ini perlu dilakukan dengan lebih terperinci kerana, koleksi artifak tinggalan sejarah merupakan koleksi yang telah lama dan mempunyai kerosakan sedia ada. Oleh itu, penjagaan yang baik terhadap koleksi-koleksi ini penting bagi mengelakkan koleksi bertambah daripada bertambah rosak.

Daripada bab ini, penyelidik juga dapat menjalankan pemerhatian sendiri terhadap pengurusan koleksi artifak di Muzium Perang berdasarkan kepada objektif kajian dan juga permasalahan dalam kajian. Kedua-dua aspek ini penting bagi memudahkan penyelidikan menjalankan kajian terhadap tajuk yang dipilih dan memberi fokus kepada skop kajian yang dipilih.

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 2

KONSERVASI KOLEKSI ARTIFAK DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan komponen penting yang bersifat kualitatif ataupun bersifat kuantitatif. Kajian literatur merupakan kajian lepas yang telah sedia ada yang mana pernah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik lepas. Dalam bab ini, penyelidik akan membentangkan mengenai kajian literasi yang dilakukan oleh penyelidik untuk menghasilkan projek penyelidikan mengikut tajuk yang dipilih. Kajian ini dilakukan adalah merujuk kepada kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh penyelidik lepas yang melibatkan proses konservasi terhadap koleksi artifak. Kajian literasi ini dijadikan sebagai rujukan oleh penyelidik untuk mengukuhkan lagi hasil penyelidikan yang dijalankan berdasarkan kepada tajuk yang telah dipilih. Kajian literasi ini juga dijalankan untuk mendapatkan hubung kait terhadap isu yang akan dikaji sebagai asas pengetahuan dan sumber rujukan kepada penyelidik.

2.2 Konservasi Artifak

Di Malaysia, terdapat banyak artifak yang ditemui hasil tinggalan zaman bersejarah. Setiap artifak yang ditemui akan melalui proses konservasi sebelum diletakkan di institusi penyimpanan seperti galeri mahupun muzium. Konservasi merupakan aktiviti pemeliharaan dan juga pemuliharaan terhadap koleksi artifak, bangunan, monument mahupun tapak warisan. Kerja konservasi ini merangkumi aktiviti pemeliharaan, restorasi, pembaikpulihan dan pembinaan semula. Menurut ICOMOS (Burra Charter 1.4,1999), pemuliharaan

adalah proses memelihara sesuatu tempat agar kepentingan kebudayaannya dapat dijaga dan dapat dikekalkan. Artifak merupakan peralatan buatan manusia tinggalan pra sejarah. Konservasi artifak merupakan proses yang dilakukan bertujuan untuk memelihara dan memulihara semula koleksi-koleksi tinggalan sejarah lampau yang telah ditemui. Di Malaysia, koleksi artifak ini termasuklah arkeologi dan juga etnologi.

Proses konservasi ini dilakukan bertujuan untuk membantu proses pencegahan daripada berlakunya kerosakan terhadap koleksi. Konservasi artifak ini meliputi artifak Perang Dunia ke II di dalam Muzium Perang Bank Kerapu. Dalam bab 2 ini, penyelidik menjelaskan mengenai konservasi yang dijalankan terhadap artifak-artifak yang terdapat di Malaysia. Penyelidik juga akan menjelaskan mengenai konservasi preventif dan konservasi kuratif yang dijalankan terhadap artifak.

2.2.1 Konservasi Kuratif

Dalam proses konservasi, terdapat dua kaedah yang digunakan iaitu konservasi preventif mahupun konservasi kuratif. Konservasi kuratif lebih kepada kaedah perawatan secara fizikal terhadap artifak. Konservasi kuratif merupakan tindakan yang dilakukan untuk mengekalkan dan menghalang pelapukan semulajadi objek yang dipengaruhi oleh suasana persekitaran. Daripada Laman Web Rasmi Jabatan Muzium Malaysia, konservasi jenis ini dijalankan bagi menjaga dan merawat objek atau koleksi yang mengalami deteriorasi tujuannya adalah untuk menghentikan deteriorasi tersebut. Konservasi kuratif juga melibatkan beberapa kaedah dalam perawatan artifak

iaitu dimulai dengan menilai keadaan bagi sesuatu artifak. Tujuannya adalah untuk melihat sejauh mana kerosakan yang terdapat pada artifak tersebut bagi menentukan langkah seterusnya yang perlu di ambil. Seterusnya, analisis bahan akan dilakukan bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku semasa menjalankan proses konservasi seperti tindakbalas kimia yang boleh merosakkan sesuatu artifak. Setelah analisis bahan ditentukan, rawatan ke atas artifak akan dijalankan artifak akan disalut dengan bahan-bahan perlindungan dalam makmal dengan menggunakan bahan organik bagi melindungi artifak daripada kerosakan.

(Sumber: <http://www.jmm.gov.my/ms/content/konservasi>)

2.2.2 Konservasi Preventif

Konservasi preventif merupakan kaedah yang digunakan untuk menghalang objek atau koleksi artifak daripada pertumbuhan kulapuk. Pelapukan merupakan proses semulajadi yang boleh berlaku disebabkan oleh faktor persekitaran yang lembap atau keadaan suhu yang tidak sesuai. Oleh itu, konservasi preventif dijalankan bagi menghalang pelapukan pada objek atau koleksi artifak. Konservasi preventif ini juga dikenali sebagai konservasi untuk pencegahan daripada berlakunya kerosakan yang boleh berlaku disebabkan oleh manusia dan juga secara semula jadi. Dalam konservasi jenis preventif ini, artifak-artifak akan dikendalikan dengan teliti. Dalam konservasi preventif juga, Teknik sokongan dilakukan ke atas artifak-artifak yang ditemui atau diperolehi daripada mana-mana kaedah perolehan bagi memudahkan pergerakan kerja-kerja konservasi dilakukan.

(Sumber: <http://www.jmm.gov.my/ms/content/konservasi>)

2.2.3 Pemeliharaan

Pemeliharaan merupakan proses pengekalan objek, tapak atau mana-mana bangunan warisan agar tidak mengalami kerosakan tambahan dari semasa ke semasa. Konsep pemeliharaan ini termasuklah Teknik merencatkan atau memperlahankan proses kemerosotan atau pereputan pada sesuatu artifak mahupun struktur bangunan bersejarah. Tujuan pemeliharaan ini dilakukan adalah untuk memanjangkan usia sesuatu artifak, tapak atau bangunan.

2.2.4 Pemuliharaan

Pemuliharaan merupakan proses mengembalikan semula rupa atau keadaan sesuatu objek atau koleksi kepada bentuk asal tanpa mengubah sebarang bentuk atau warna objek atau koleksi tersebut. Pemuliharaan dijalankan bertujuan untuk mengekalkan warisan sesuatu objek atau koleksi agar dapat digunakan atau dijadikan sebagai rujukan untuk generasi pada masa akan datang. Kaedah pemuliharaan penting untuk melindungi sesuatu objek atau koleksi samaada melalui pemuliharaan, pembaikpulihan mahupun pembinaan semula. Pemuliharaan ini hampir sama dengan pemeliharaan, pembaikpulihan dan juga pembinaan semula kerana digunakan untuk melindungi artifak daripada kerosakan tambahan yang boleh memusnahkan warisan bersejarah.

2.3 Konservasi Meriam Era King George II

Meriam berkembar yang ditemui di Kota Fort Cornwallis dianggarkan berusia 200 tahun. Kedua-dua Meriam ini telah ditemui di tapak arkeologi yang mempunyai keluasan sepanjang 0.4 hektar pada tahun 2018. Penemuan Meriam oleh ahli arkeologi ini dipercayai merupakan Meriam yang digunakan ketika era King George II di Pulau Pinang. Hal ini demikian kerana, kedua-dua Meriam tersebut mempunyai symbol GR sama seperti artifak yang pernah dijumpai di Bukit Bendera. Meriam berkembar ini dikatakan berukuran 2.35meter dan 2.2 meter. Kewujudan Meriam berkembar tersebut menjadi tanda tanya kepada ahli arkeologi yang menemukannya kerana, kewujudan kedua-dua Meriam tersebut tidak disebut di dalam peta Fort Cornwallis pada tahun 1877.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/02/390680/meriam-berkembar-200-tahun-ubah-sejarah-fort-cornwallis>

Penemuan Meriam berkembar ini menyingkap sejarah kota Fort Cornwallis yang mana kota ini telah dibina oleh pihak British dan seterusnya diduduki oleh pihak Jepun yang menjajah ke Tanah Melayu pada ketika itu. Penemuan ini telah mewujudkan cadangan pembukaan pusat pelancongan di kawasan Fort Cornwallis sebagai satu tarikan yang menarik. Pihak arkeologi menemukan Meriam berkembar ini dengan keadaan mengalami kerosakan dan perubahan warna. Kedua-dua Meriam berkembar tersebut diserahkan kepada pihak USM untuk menjalani proses konservasi dan pengesanan data mengenai Meriam tersebut. Hal ini kerana, Jabatan Warisan Negara telah pun memberikan kelulusan terhadap kerja arkeologi sejak tahun 2017 kepada pihak arkeologi USM. Meriam ini dibersihkan daripada kotoran-kotoran tanah dan

karat menggunakan bahan-bahan yang digunakan dalam proses konservasi oleh ahli-ahli arkeologi yang bertugas di Pusat Penyelidikan Arkeologi USM Pineng. Pada tahun 2019, Meriam berkembar ini telah selesai di konservasikan. Pihak arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM) memulangkan kedua-dua Meriam tersebut kepada pihak kerajaan Negeri untuk proses seterusnya. (<https://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/6195-usm-serah-kembali-meriam-bersejarah-kepada-kerajaan-negeri>)

2.4 Konservasi terhadap Koleksi Artifak Kain Limar Songket

Artifak Kain Limar Songket Lepas (Songket Palembang) merupakan antara koleksi yang pernah dikonservasikan di Jabatan Muzium Malaysia pada Oktober 2016. Artifak kain ini adalah salah satu daripada koleksi kain songket yang telah dipamerkan dalam Pameran Tenun Songket ASEAN: Ratu Kain Satu Rumpun. Asal usul sejarah mengatakan bahawa Kain Limar Songket berasal daripada Indonesia yang mempunyai kaitan dengan Lagenda Kerajaan Sriwijaya. Dipercayai bahawa kain songket Palembang ini berasal dari masyarakat di daerah Sumatera Selatan. Kegiatan menenun kain songket ini dikatakan berkembang ke Tanah Melayu melalui perkahwinan Diraja suatu ketika dahulu.

Semasa Pameran Tenun Songket, didapati terdapat kerosakan pada Kain Limar Songket Lepas (Songket Palembang). Koyakan kain yang ditampal menggunakan pita perekat menyebabkan gam tersebut menjadi hitam. Bukan itu sahaja, malah benang-benang pada permukaan kain yang lainnya menjadi rapuh dan mudah putus. Oleh itu, proses konservasi dijalankan terhadap Kain

Limar Songket (Songket Palembang) ini. Sebelum menjalankan aktiviti konservasi, pihak yang melakukan konservasi terhadap artifak kain ini terlebih dahulu membersihkan dan menanggalkan pita perekat menggunakan beberapa bahan seperti *distilled water*, *mylar*, *blotting paper*, *cotton balls* dan juga *tweezer*. Kemudian, mereka menggunakan kaedah *patching* iaitu menggunakan kain voile dan menggunakan kaedah jahitan secara *coaching* untuk menjahit bahagian koyakan pada permukaan kain. Seterusnya, proses yang terakhir dalam konservasi terhadap artifak kain Limar Songket ini adalah membersihkan kain dengan menanggalkan habuk hasil kerja konservasi menggunakan *vacumm cleaner*.

(<http://www.jmm.gov.my/ms/content/konservasi>)

2.5 Konservasi Artifak Meriam Nassau

Meriam merupakan alat senjata yang digunakan untuk berperang. Menurut Osman Yatim (1994), nama meriam ini diambil sempena nama senjata api yang lama yang dikenali sebagai 'mary'. Dalam Bahasa Inggeris pula, Meriam juga dikenali sebagai 'cannon' yang mana nama ini diambil dari Bahasa Latin iaitu 'canna'. Meriam Nassau ini dipamerkan di kawasan tapak Muzium Lukut Negeri Sembilan. Seperti artifak-artifak lain, artifak Meriam Nassau ini juga melalui proses penilaian untuk mengenalpasti kerosakan yang terdapat pada artifak tersebut. Melalui penilaian yang telah dilakukan, terdapat beberapa kerosakan yang ada pada artifak meriam tersebut seperti berlaku tompokan hitam pada bahagian badan meriam. Selain itu, terdapat juga karat yang menyelaputi beberapa bahagian artifak Meriam Nassau. Pada bahagian

muncung artifak ini pula didapati telah patah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu.

Dalam proses konservasi artifak Meriam Nassau ini, beberapa langkah yang dilakukan seperti kerja mengukur meriam termasuk dimensi artifak tersebut menggunakan peralatan seperti pita pengukur. Setiap ukuran yang diperolehi direkodkan ke dalam catatan sebagai rujukan pihak yang melakukan kerja-kerja konservasi. Seterusnya, artifak meriam ini dibersihkan menggunakan alat tekanan air dan juga 'steamer' untuk membuang kotoran-kotoran yang melekat pada bahagian artifak. Pada bahagian badan yang berkarat pula dikikis menggunakan pahat batu. Setelah artifak ini dibersihkan, mereka yang terlibat di dalam proses konservasi ini memindahkan artifak ke kawasan tapak yang baharu untuk pameran dan untuk memudahkan kerja konservasi yang seterusnya dijalankan. Seterusnya, kerja-kerja mengecat dilakukan terhadap artifak dengan menggunakan cat antikarat. Pada bahagian artifak yang patah, kaedah cantuman restorasi dilakukan menggunakan bahan-bahan seperti resin, tanah liat, 'butanox', kaca gentian dan pemangkin. Setelah kerja-kerja konservasi dilakukan, dinding sokongan bagi artifak meriam ini dibuat dengan menyimen bahagian tersebut agar meriam tidak jatuh dan berlaku kerosakan tambahan. Plak penerangan juga dipasangkan sebagai rujukan bagi artifak meriam tersebut kepada para pengunjung.

(Sumber: Kompilasi Kajian Kes Konservasi Artifak)

2.6 Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II Muzium Perang Bank Kerapu

Koleksi artifak merupakan warisan tinggalan sejarah lampau. Di Muzium Perang Bank Kerapu, Muzium Perang ini pada asalnya merupakan sebuah bank yang dinamakan sebagai “The Mercantile Of India Limited” pada tahun 1912 namun kini telah diubah menjadi muzium untuk menempatkan koleksi artifak Perang Dunia II. Di Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan, koleksi artifak yang terdapat di muzium tersebut lebih kepada artifak yang berkaitan dengan peperangan Perang Dunia II. Koleksi yang terdapat di muzium tersebut termasuk artifak senjata api, replika kubu perang, replika kereta kebal yang terdapat di bahagian luar muzium, baju uniform tentera Jepun dan banyak lagi koleksi lain. Kesemua koleksi artifak ini disimpan dan dipamerkan mengikut bahagian ruangan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan Muzium Perang. Walaubagaimanapun, terdapat juga artifak selain daripada senjata api iaitu seperti tapak lilin, gobek sireh, buyung tembaga dan koleksi artifak lain yang digunakan dalam kehidupan masyarakat ketika itu.

Koleksi-koleksi artifak yang diterima oleh pihak Muzium Perang Bank Kerapu adalah koleksi artifak yang telah mengalami kerosakan. Setiap koleksi akan diletakkan mengikut bahagian. Misalnya, koleksi artifak uniform baju tentera Jepun diletakkan pada bahagian yang sama dan diasingkan daripada koleksi yang lain. Penubuhan Muzium Perang ini adalah sebagai tanda peringatan kepada negara mengenai peperangan yang berlaku iaitu Perang Dunia II di Tanah Melayu sekaligus menyemat semangat cinta akan negara terhadap masyarakat.

2.7 Rumusan Bab 2

Kesimpulannya, konservasi meliputi aspek-aspek pemeliharaan, pemuliharaan, pembinaan semula dan pembaikpulihan bertujuan untuk menjaga dan mengekalkan warisan yang masih ada pada sesuatu objek, tapak mahupun struktur bangunan warisan bersejarah. Hasil daripada kajian-kajian lepas dapat dibentangkan melalui pemahaman daripada pembacaan dan penyelidikan yang dilakukan. Daripada Bab 2 ini, didapati bahawa konservasi yang dilakukan terhadap setiap koleksi adalah berbeza mengikut kerosakan yang dihadapi. Walaubagaimana pun, terdapat juga beberapa persamaan yang dijalankan semasa proses konservasi berlaku. Daripada kajian yang dilakukan, setiap koleksi yang diperoleh telahpun mengalami kerosakan. Setiap kerosakan yang dialami oleh koleksi juga adalah berbeza antara satu sama lain. Oleh itu, proses konservasi amat penting dijalankan kepada setiap koleksi artifak bagi membantu memulihara, dan mengawal koleksi daripada terus berlaku kerosakan. Proses konservasi yang dilakukan juga adalah perlu sejajar dengan kerosakan yang dialami oleh koleksi dan perlu disimpan mengikut persekitaran, suhu dan pencahayaan yang sesuai mengikut bahagian yang ditetapkan.

MALAYSIA

KELANTAN

Bab 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan


Kajian ini dijalankan untuk mengumpul maklumat dan data secara lebih terperinci. Kaedah metodologi kajian diperlukan untuk proses pengumpulan data dan maklumat untuk mendapatkan hasil dapatan kajian. Metodologi kajian merupakan kaedah penting yang digunakan untuk mengumpul maklumat secara lebih relevan dalam sesuatu kajian penyelidikan. Dalam kajian penyelidikan yang dijalankan, penyelidik menggunakan metodologi kajian untuk mengumpul segala maklumat dan data yang sah dan tepat yang mempunyai kaitan dan kesinambungan dengan penyelidikan yang dijalankan untuk menjawab objektif kajian yang telah dipilih.

Secara umumnya, dalam metodologi kajian menggunakan dua jenis penyelidikan iaitu penyelidikan asas dan juga penyelidikan terpakai. Penyelidikan asas dikategorikan sebagai penyelidikan yang melibatkan kajian lapangan. Manakala, penyelidikan terpakai merupakan penyelidikan yang menggunakan sumber perpustakaan iaitu menggunakan bahan-bahan rujukan daripada hasil kajian lepas.

3.2 Metodologi Kajian

Metodologi dikatakan berasal daripada perkataan Yunani (Latin) yang bermaksud kaedah dalam penyelidikan ilmiah. Menurut Kamus Dewan Edisi Baru (Teuku Iskandar, 1989), metodologi merupakan ilmu mengenai metode

atau sistem termasuk kaedah dan juga sistem-sistem yang digunakan dalam sesuatu kegiatan. Kaedah metodologi ini dapat digunakan untuk mengumpul segala maklumat dan juga data-data yang diperlukan dalam suatu kajian yang dijalankan. Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, metodologi juga didefinisikan sebagai ilmu mengenai metod mahupun peraturan yang digunakan ketika menjalankan penyelidikan bagi mencapai sesuatu tujuan. Metodologi juga merujuk kepada kesesuaian kaedah yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan dengan cara yang efektif untuk mendapatkan jawapan bagi permasalahan kajian. Dalam bab ini, penyelidik membentangkan mengenai carta alir untuk menerangkan proses-proses yang dijalankan dalam kajian penyelidikan ini.



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian

Rajah 3.1 menunjukkan sebuah carta alir bagi metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan. Penyelidikan ini dijalankan menggunakan pendekatan kaedah kualitatif. Melalui pendekatan kaedah kualitatif, penyelidik

akan dapat memperoleh data dengan cara menjalankan pemerhatian, temu bual dan juga analisis dokumen secara lengkap dan tepat. Melalui pendekatan kualitatif ini juga, penyelidik akan memfokuskan kepada objektif kajian yang dipilih, skop kajian serta lokasi kajian dalam menjalankan penyelidikan. Carta alir menunjukkan terdapat dua bahagian yang digunakan melalui pendekatan kualitatif iaitu sumber data primer dan juga sumber data sekunder.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan pendekatan yang digunakan dalam kaedah pengumpulan data untuk mendapatkan hasil dapatan kajian penyelidikan. Menurut Bryman (2008), kaedah kualitatif merupakan strategi penyelidikan yang banyak memberi penekanan terhadap perkataan dalam data yang telah dikumpul. Kaedah kualitatif ini sedikit berbeza dengan kaedah kuantitatif kerana dalam kualitatif tidak melibatkan pengiraan nilai sesuatu maklumat dalam pengumpulan data dan juga maklumat. Dalam kaedah kualitatif ini, penyelidik mengambil kira beberapa kaedah dalam pengumpulan data dan maklumat iaitu seperti temu bual, pemerhatian, catatan dan juga menggunakan sumber perpustakaan. Kaedah-kaedah ini digunakan untuk memastikan penyelidik dapat menjalankan kajian penyelidikan dengan lebih mudah dan lancar.

3.3 Sumber Sekunder

Sumber sekunder adalah sumber yang diperolehi daripada sumber internet mahupun rujukan perpustakaan. Data sekunder ini adalah diambil hasil daripada rujukan daripada penulisan pengkaji lepas. Misalnya, penggunaan

rujukan daripada bahan ilmiah seperti artikel-artikel, majalah, internet, keratan akhbar mahupun kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik sebelum-sebelumnya. Dalam penyelidikan yang dijalankan ini, penyelidik menggunakan sumber sekunder sebagai bahan rujukan bagi memenuhi dan mengukuhkan lagi data yang diperolehi daripada sumber primer. Hal ini kerana, maklumat yang diperolehi daripada sumber primer perlu dikukuhkan dengan rujukan daripada sumber yang lain. Data sekunder yang digunakan oleh penyelidik diambil daripada beberapa rujukan internet daripada blog-blog permuziuman, *google scholar*, keratan akhbar di dalam internet, buku dan juga beberapa artikel lain.



Rajah 3.2: Koleksi Artifak Tinggalan Tentera Jepun

Sumber: (<https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/muzium3/muzium-perang-bank-kerapu>)

Rajah 3.2 menunjukkan beberapa koleksi artifak Perang Dunia ke II tinggalan tentera Jepun yang telah disimpan di ruangan pameran di dalam Muzium Perang Bank Kerapu. Koleksi-koleksi artifak ini termasuklah topi yang

digunakan oleh tentera Jepun semasa peperangan, beg tentera Jepun, sarung pistol dan juga bekas-bekas makanan tentera Jepun. Koleksi tinggalan tentera Jepun ini diletakkan di ruangan setempat di dalam bekas kaca yang berasingan mengikut kategori.

3.3.1 Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan melibatkan kaedah pembacaan bahan-bahan ilmiah sebagai bahan rujukan dalam penyelidikan. Bagi memperoleh maklumat dan data melalui kaedah ini, penyelidik menggunakan sumber bahan bacaan seperti artikel, jurnal dan juga keratan akhbar sebagai bahan rujukan. Bagi mendapatkan maklumat mengenai kerja konservasi, penyelidik menggunakan bahan rujukan melalui keratan akhbar yang terdapat di media seperti internet dan juga buku-buku yang mempunyai kaitan dengan kerja-kerja konservasi untuk mengetahui lebih lanjut mengenai maklumat yang diperlukan. Dalam kaedah ini juga, penyelidik merujuk beberapa keratan akhbar yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan terperinci.

Seterusnya, penyelidik menggunakan bahan rujukan daripada kajian lepas daripada artikel-artikel dan juga jurnal. Penggunaan bahan rujukan seperti artikel dan jurnal ini membantu penyelidik dalam mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai kajian yang berkaitan dengan muzium, pengurusan dan konservasi terhadap artifak. Melalui data sekunder ini juga, penyelidik dapat menjimatkan masa berbanding data primer yang memerlukan masa yang lama untuk mengumpulkan segala maklumat dan juga data. Berikut

merupakan bahan bacaan yang dijadikan sebagai rujukan oleh penyelidik dalam menjalankan penyelidikan ini:

I. Buku

1. Konservasi Artifak Meriam Sejarah Kaedah Saintifik oleh Zamrul Amri Zakaria, Muhammad Daud dan Azali Muhammad.
2. Kompilasi Kajian Kes Konservasi Artifak oleh Zarul Amri bin Zakaria dan Abd Karim bin A. Bakar (2011).

II. Artikel

1. Kajian Pengurusan Koleksi Zoologi Di Muzium Sarawak oleh Norsimah binti Lakassa (2007).
2. Artifak Kebudayaan Melayu: Sumbangan Arkeologi dan Arkeologis oleh Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman

III. Jurnal

1. Prosedur Penjagaan Koleksi Warisan: Kajian Di Jabatan Muzium Malaysia oleh Zubaidah binti Hassan (2012).
2. Pemuliharaan Tembaga Di Muzium Negeri Terengganu oleh Nurulnadia binti Mohamed (2013)
3. Artifak Peradaban Melayu Dalam Koleksi Muzium Seni Asia Universiti Malaysia: Usaha Mewujudkan Inventori Budaya oleh Abd Wahid Jais dan Abd Aziz Abdul Rashid (2007).

IV. Keratan Akhbar

1. Kapak Genggam Paling Tua Di Dunia Dijumpai Di Lenggong oleh Freddie Aziz Jasbindar (2019).

2. USM Serah Kembali Meriam Bersejarah Kepada Kerajaan Negeri oleh Marziana Mohamed Alias (2019).

V. Laman Web/Blog

1. Laman Web Rasmi Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan.
2. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (2021)

3.4 Sumber Primer


Sumber primer merujuk kepada sumber pertama yang dijadikan sebagai maklumat dan data terpenting dalam sesuatu kajian. Sumber primer ini adalah bersifat asli dan kandungan belum diubah atau diolah. Melalui sumber primer ini, penyelidik mendapatkan maklumat melalui pemerhatian yang dijalankan iaitu dengan menjalankan kajian lapangan. Penyelidik akan menjalankan kajian lapangan ke lokasi kajian untuk melihat dan mendengar sendiri mengenai pengurusan konservasi artifak sesuai dengan objektif kajian yang dipilih. Kaedah ini adalah lebih efisien dan berkesan kerana wujudnya kontak dan juga komunikasi secara langsung daripada penyelidik dan juga pihak pembantu Muzium yang bertugas.

Seterusnya, melalui sumber primer ini juga, penyelidik menggunakan kaedah temubual untuk mengumpul segala maklumat daripada pihak yang lebih arif. Dalam aspek ini, penyelidik menjalankan temubual secara atas talian dan juga secara langsung terhadap pihak pembantu Muzium Perang Bank Kerapu untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai kajian. Kaedah

temubual ini sekaligus membantu untuk menjawab objektif kajian. Penyelidik juga dapat menerima maklumat dengan lebih jelas hasil daripada sesi temubual yang dijalankan kerana isi kandungan temubual yang dijalankan adalah memfokuskan kepada objektif dan juga persoalan dalam kajian.

3.4.1 Kaedah Temubual

Kaedah temubual dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui komunikasi. Dalam konteks ini, penyelidik menjalankan temubual terhadap pihak pembantu Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan. Temubual yang pertama ini dilakukan secara atas talian memandangkan berlakunya penularan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Negeri Kelantan. Sesi temubual dilakukan pada waktu bekerja terhadap pihak pembantu Muzium untuk bertanyakan mengenai objektif dan juga persoalan kajian. Daripada sesi temu bual ini, penyelidik dapat mengumpul serba sedikit data yang diperolehi untuk dimasukkan dalam analisis data kajian.



Rajah 3.3: Carta Alir Proses Temubual

Rajah 3.3 memaparkan carta alir bagi proses temubual yang dijalankan oleh penyelidik. Langkah yang pertama diambil oleh penyelidik sebelum menjalankan temubual adalah menyediakan beberapa soalan berkaitan dengan objektif kajian untuk diajukan kepada pihak kakitangan Muzium Perang Bank Kerapu. Kemudian, penyelidik menghubungi pihak Muzium Perang Bank Kerapu melalui email yang diperolehi melalui laman sesawang Muzium Perang Bank Kerapu, Negeri Kelantan.




Rajah 3.4: Penyelidik Menghubungi Pihak Muzium Perang Melalui Email

Sumber: Dapatan Kajian

Rajah 3.4 menunjukkan bukti penyelidik menghubungi pihak Muzium Perang Bank Kerapu menggunakan email siswa bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalani temu bual bersama pihak muzium. Permohonan kebenaran untuk menjalani kajian secara temubual ini dilakukan pada pertengahan bulan Mei. Penyelidik juga menyertakan borang kebenaran untuk menjalankan projek penyelidikan daripada pihak Universiti Malaysia Kelantan sebagai bukti mahasiswi dan juga bukti kebenaran untuk memudahkan kerjasama dari kedua-dua belah pihak antara penyelidik dan juga pihak kakitangan Muzium Perang Bank Kerapu.

Selepas mendapat respon dan kebenaran daripada pihak Muzium melalui email, penyelidik mula menjalankan sesi temubual bersama pihak Pembantu Muzium Perang Bank Kerapu, Negeri Kelantan melalui aplikasi *whatsapp*. Kerjasama yang diberikan oleh Pembantu Muzium Perang Bank Kerapu iaitu


Encik Kamal Nasrun bin Abdullah menjawab persoalan yang telah diajukan dan juga menjawab objektif kajian dan juga persoalan yang terdapat dalam kajian yang dijalankan. Segala maklumat dan data yang diperoleh sepanjang sesi temubual dicatatkan sebagai analisis data yang diperoleh daripada sumber primer.



Rajah 3.5: Pengenalan Diri Kepada Pembantu Muzium

Sumber: Dapatan Kajian


Gambar dalam rajah 3.5 menunjukkan bukti perbualan pertama antara penyelidik bersama pembantu Muzium Perang Bank Kerapu iaitu Encik Kamal Nasrun bin Abdullah melalui aplikasi *Whatsapp* yang telah diperolehi daripada pihak muzium. Dalam perbualan yang pertama ini, penyelidik memperkenalkan diri terlebih dahulu kepada pihak pembantu Muzium Perang Bank Kerapu sebelum memulakan sesi temubual bersama sebagai permulaan dalam temubual yang dijalankan.



Rajah 3.6: Sesi Temubual Bagi Objektif Pertama

Sumber: Dapatan Kajian

Gambar di atas menunjukkan sesi temubual antara penyelidik bersama Encik Kamal Nasrun bin Abdullah. Selepas sesi pengenalan diri, sesi temubual mengikut objektif kajian dijalankan. Sesi temubual yang pertama ini hanya dijalankan secara atas talian disebabkan oleh beberapa faktor tertentu seperti kekangan keadaan disebabkan oleh penyebaran virus Covid-19 yang menyukarkan temubual secara langsung untuk dilakukan. Dalam temubual ini, penyelidik mengajukan soalan yang pertama berkaitan dengan objektif pertama kajian. Pada bahagian ini sebelum mendapat respon mengenai objektif pertama, pembantu muzium juga menerangkan serba sedikit mengenai koleksi-koleksi artifak senjata yang terdapat di dalam Muzium Perang.



Rajah 3.7: Sesi Temubual Bagi Objektif Ketiga

Sumber: Dapatan Kajian

Rajah 3.7 menunjukkan gambar temubual bersama pihak pembantu muzium. Dalam temu bual ini, penyelidik mengajukan soalan mengenai objektif yang ketiga iaitu cara untuk mengurus atau memelihara koleksi artifak Perang Dunia ke II daripada terus mengalami kerosakan. Segala maklumat yang diperolehi disimpan sebagai analisis data penyelidik untuk menjalankan kajian penyelidikan ini.

3.4.2 Demografi Temubual

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temubual secara langsung bersama pihak muzium untuk mendapatkan segala maklumat dan data kajian. Kaedah temu bual ini dijalankan melalui dua cara iaitu secara atas talian iaitu pada sesi temubual yang pertama dan juga temubual secara bersemuka iaitu semasa pengkaji menjalankan kajian lapangan di Muzium

Perang Bank Kerapu. Temubual ini dijalankan bersama pihak Pembantu Muzium iaitu Encik Kamal Nasrun bin Abdullah yang bertugas pada ketika kajian lapangan dijalankan.



Rajah 3.8: Pengkaji Bersama Encik Kamal Nasrun Bin Abdullah Di Muzium Perang Bank Kerapu.

Sumber: Dapatan Kajian

Rajah 3.8 menunjukkan gambar di antara penyelidik bersama pembantu muzium iaitu Encik Kamal Nasrun bin Abdullah. Gambar ini diambil selepas melakukan sesi temubual secara langsung dan juga selepas pemerhatian terhadap koleksi artifak Perang Dunia ke II di ruangan pameran dilakukan. Proses temu bual ini dijalankan semasa muzium tersebut sedang tutup kerana baru sahaja selesai dalam proses penyelenggaraan. Semasa menjalankan sesi temu bual bersama pihak Pembantu Muzium iaitu Encik Kamal Nasrun bin Abdullah, pengkaji memberi fokus kepada soalan-soalan yang berkenaan dengan objektif-objektif kajian bagi menjawab persoalan kajian yang dilakukan.

3.4.3 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian melibatkan kajian lapangan di lokasi kajian. Kaedah ini merupakan kajian yang dilakukan secara langsung ke lokasi kajian. Kajian lapangan yang dilakukan secara terus akan dapat menjawab objektif kajian terhadap pengurusan koleksi artifak dengan lebih terperinci. Hal ini demikian kerana, penyelidik dapat melihat sendiri bagaimana cara pengurusan koleksi artifak yang terdapat di dalam Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan. Penyelidik juga dapat belajar sedikit sebanyak mengenai kaedah pengurusan yang lebih teratur daripada pihak muzium.

Sebelum membuat kajian lapangan di lokasi kajian, penyelidik terlebih dahulu memaklumkan kepada pihak Muzium Perang Bank Kerapu mengenai kajian lapangan yang dilakukan untuk menetapkan tarikh kajian lapangan yang dibuat sebagai persediaan dan mengelakkan permasalahan lain berlaku.



Rajah 3.9: Penyelidik Menghubungi Pihak Muzium Untuk Menetapkan Tarikh Kajian Lapangan

Sumber: Dapatan Kajian

Rajah 3.9 menunjukkan tarikh penyelidik telah menghubungi pihak Muzium Perang Bank Kerapu. Pada 12 Oktober 2021, penyelidik menghubungi

bahagian pejabat Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan untuk menetapkan temu janji untuk tarikh yang membolehkan penyelidik menjalankan kajian lapangan di muzium tersebut. Setelah tarikh temu janji bagi menjalankan kajian lapangan ditetapkan, penyelidik dibenarkan untuk menjalankan kajian lapangan mengikut tarikh temu janji tersebut bersama pihak pembantu Muzium Perang Bank Kerapu iaitu Encik Kamal Nasrun bin Abdullah.



Rajah 3.10: Muzium Perang Bank Kerapu, Negeri Kelantan

Sumber: Kajian Lapangan

Rajah 3.10 menunjukkan gambar bagi bangunan Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan. Gambar ini diambil sendiri oleh penyelidik ketika menjalankan kajian lapangan seperti tarikh yang ditetapkan. Bangunan muzium ini terletak berhampiran dengan beberapa bangunan lain seperti Muzium Islam dan Masjid Muhammadi.



Rajah 3.11: Pemerhatian Terhadap Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II

Sumber: Kajian Lapangan

Gambar dalam rajah 3.11 menunjukkan gambar yang diambil oleh penyelidik ketika membuat pemerhatian secara langsung di Muzium Perang Bank Kerapu. Koleksi-koleksi di dalam bekas kaca ini merupakan artifak duit Jepun atau dikenali juga sebagai Duit Pokok Pisang.



Rajah 3.12: Pemerhatian Terhadap Koleksi Artifak Pedang Tinggalan Sejarah

Perang Dunia Ke II

Sumber: Kajian Lapangan


Rajah 3.12 menunjukkan gambar artifak pedang yang terdapat di dalam Muzium Perang Bank Kerapu. Artifak pedang ini dikenali sebagai Pedang Shin

Gunto. Menurut Encik Kamal Nasrun ketika menjalani pemerhatian terhadap koleksi artifak ini, terdapat pelbagai jenis pedang yang ada di dalam Muzium tersebut. Setiap pedang mempunyai nama dan fungsinya tersendiri. Misalnya, bagi artifak Pedang Shin Gunto ini, pedang ini hanya digunakan oleh golongan tertentu seperti Pegawai Tentera Jepun. Oleh itu, pedang jenis ini hanya digunakan oleh golongan tersebut.

Selain menjalankan pemerhatian terhadap koleksi-koleksi artifak tersebut, penyelidik juga melihat bagaimana ruangan dan susunan dalam penyimpanan setiap koleksi tersebut. Semasa pemerhatian dilakukan, penyelidik juga mencatatkan setiap data yang diperolehi untuk dijadikan analisis data kajian dan menyimpan beberapa maklumat berbentuk tangkapan gambar untuk dimasukkan ke dalam metodologi kajian. Melalui kaedah pemerhatian ini, penyelidik memperoleh ilmu dan pengalaman yang sedikit sebanyak meningkatkan lagi pengetahuan mengenai proses dalam pengurusan koleksi di muzium.

3.4.4 Kaedah Catatan

Catatan merupakan antara sumber data primer yang diperolehi oleh penyelidik. Hasil daripada catatan ini diperolehi daripada pengalaman yang diceritakan oleh rakan penyelidik yang pernah berkunjung ke lokasi kajian iaitu di Muzium Perang. Daripada hasil catatan diperolehi, penyelidik mendapat beberapa maklumat yang berkaitan dengan koleksi-koleksi artifak di dalam muzium tersebut. Misalnya, rakan penyelidik menerangkan mengenai koleksi artifak yang juga terdapat di bahagian luar bangunan Muzium Perang tersebut.



Rajah 3.13: Hasil Catatan Yang Diperolehi Daripada Pengalaman Rakan Penyelidik

Sumber: Dapatan Kajian

Rajah 3.13 menunjukkan catatan yang dicatat hasil daripada penceritaan pengalaman rakan penyelidik yang pernah mengunjungi Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan. Catatan ini diambil ketika penyelidik mengajukan soalan mengenai pengalaman rakan penyelidik yang pernah melakukan lawatan ke Muzium Perang pada tahun-tahun sebelumnya.

3.5 Rumusan Bab 3

Secara keseluruhannya, metodologi kajian merupakan aspek yang penting dalam suatu kajian. dalam kajian ini, penyelidikan menggunakan metodologi yang melibatkan data dan maklumat daripada sumber primer dan juga sumber sekunder melalui beberapa kaedah kajian. Antara kaedah kajian yang digunakan oleh penyelidik adalah menggunakan kaedah temu bual,

pemerhatian dalam kajian lapangan dan juga catatan daripada data primer. Manakala kaedah yang digunakan dalam sumber sekunder adalah kaedah perpustakaan. Kaedah-kaedah dalam metodologi kajian membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat dan data melalui beberapa cara yang berlainan mengikut kesesuaian. Penggunaan metodologi kajian juga memudahkan penyampaian kajian yang jelas dan terperinci. Hasil maklumat dan data yang diperolehi oleh penyelidik melalui metodologi kajian dapat dijadikan sebagai bukti bagi menyokong sesuatu kajian yang telah dijalankan. Melalui metodologi kajian juga, hasil kajian yang diperolehi akan lebih teratur dan mudah untuk difahami dan dijadikan sebagai bahan rujukan seterusnya oleh pengkaji akan datang.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab 4, pengkaji menerangkan dapatan kajian iaitu analisis data yang diperolehi pengkaji. Dapatan kajian diperolehi berdasarkan objektif kajian yang telah dipilih. Pengkaji menjelaskan hasil dapatan kajian yang telah diperolehi ini mengikut susunan objektif kajian seperti yang terdapat pada bab 1:

- i. Untuk mengkaji proses pengurusan konservasi terhadap koleksi artifak Perang Dunia ke II di dalam Muzium Perang.
- ii. Mengidentifikasikan jenis-jenis kerosakan yang terdapat pada artifak Perang Dunia ke II.
- iii. Untuk mengetahui proses pemeliharaan yang dijalankan oleh pihak muzium terhadap koleksi artifak Perang Dunia ke II.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah untuk memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan jayanya. Pada awalnya, pengkaji hanya dapat menjalankan kajian penyelidikan secara atas talian disebabkan oleh beberapa kekangan seperti berlakunya masalah pandemic Covid-19 yang menyebabkan kesukaran pergerakan pengkaji ke lokasi kajian. Seterusnya, muzium juga ditutup untuk sementara waktu ketika gelombang pandemik ini sedang meningkat menyebabkan pengkaji tidak dapat menjalankan kajian lapangan. Walaubagaimana pun, masalah ini dapat diatasi apabila kadar peningkatan kes Covid-19 menurun di Negeri Kelantan. Oleh itu,

pengkaji seterusnya dapat menjalankan kaedah pemerhatian melalui kajian lapangan yang telah dijalankan.

4.2 Proses Pengurusan Konservasi Terhadap Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II Di Muzium Perang, Bank Kerapu.

Pada bahagian ini, pengkaji menjelaskan mengenai proses-proses yang dijalankan dalam pengurusan terhadap artifak-artifak Perang Dunia ke II. Proses pengurusan dijalankan pada setiap artifak yang diterima oleh pihak Muzium Perang, Bank Kerapu. Beberapa proses pengurusan artifak daripada awal penerimaan artifak tersebut sehingga proses simpanan. Proses pengurusan artifak ini adalah seperti berikut:

4.2.1 Perolehan artifak

4.2.2 Pendaftaran koleksi

4.2.3 Pendokumentasian

4.2.4 Penyelidikan Konservasi

4.2.5 Konservasi

4.2.6 Penstoran/Pameran


4.2.1 Perolehan Artifak

Setiap institusi permuziuman mempunyai cara perolehan artifak yang pelbagai. Di Muzium Perang Bank Kerapu, artifak-artifak diperolehi melalui pemberian hadiah, sumbangan, kaedah pembelian dan juga melalui hasil

jumpaan ketika melakukan kajian lapangan di kawasan terbabit. Sebelum menjalani proses seterusnya, artifak-artifak yang diperolehi ini perlu dibincangkan dalam mesyuarat sesama pihak muzium. Menurut Encik Kamal Nasrun bin Abdullah, perkara yang dititikberatkan terhadap artifak yang diperolehi adalah sejarah artifak itu sendiri. Sejarah setiap artifak yang diperolehi perlu diketahui iaitu tentang bagaimana asal usul dan cerita disebalik kewujudan artifak tersebut di sesuatu kawasan. Sejarah artifak ini akan menentukan nilai bagi setiap artifak yang ditemui. Setelah melalui proses tersebut, pengurusan koleksi artifak ini akan dilaksanakan dengan teratur dan teliti sesuai dengan panduan Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM).

Perolehan artifak daripada hadiah atau sumbangan mempunyai aliran proses yang sama. Proses penerimaan bagi artifak daripada pemberian hadiah atau sumbangan ini ditunjukkan dalam carta alir seperti berikut:

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




Rajah 4.1: Carta Alir Perolehan Koleksi Artifak Melalui Hadiah Atau Sumbangan

Sumber kajian: Kajian Lapangan

Rajah 4.1 menunjukkan aliran bagi proses perolehan koleksi artifak Perang Dunia ke II melalui hadiah ataupun sumbangan. Aliran proses ini diperolehi hasil daripada temubual secara langsung yang dijalankan bersama Encik Kamal Nasrun bin Abdullah. Daripada penerangan pihak pembantu muzium tersebut, artifak-artifak yang diperolehi melalui hadiah atau sumbangan daripada pihak luar terlebih dahulu akan dimasukkan dalam sidang mesyuarat dalam kalangan ahli jawatankuasa untuk tujuan perbincangan mengenai artifak tersebut. Segala maklumat dan butiran penting seperti sejarah, penemuan dan

kepentingan artifak tersebut akan dibincangkan dan dikenalpasti sebelum mengesahkan penerimaan artifak-artifak Perang Dunia ke II di dalam Muzium Perang Bank Kerapu. Apabila mendapat persetujuan majoriti dan juga persetujuan daripada pihak pengarah atau timbalan pengarah muzium, artifak yang telah diperolehi melalui hadiah atau sumbangan tersebut akan didaftarkan secara sah di dalam muzium dan direkodkan untuk rujukan dan juga sebagai pendokumentasian dalam muzium.

Selain daripada perolehan koleksi melalui pemberian hadiah atau sumbangan, perolehan melalui pembelian juga mempunyai beberapa proses yang perlu dilalui. Prosedur ini perlu dipatuhi bagi mendapatkan artifak-artifak yang telah ditawarkan.




Rajah 4.2: Carta Alir Perolehan Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II Melalui Pembelian

Sumber: Kajian Lapangan

Rajah 4.2 menunjukkan carta alir bagi proses perolehan koleksi melalui pembelian. Bagi proses ini, sebelum pihak muzium membuat pembelian terhadap koleksi artifak Perang Dunia ke II, mereka terlebih dahulu akan mendapat arahan daripada pihak atasan untuk melakukan pekerjaan bagi mendapatkan koleksi artifak. Apabila mendapat tawaran daripada pembekal mahupun pemilik artifak, pihak muzium perlu mengenalpasti sasaran perolehan koleksi bagi Muzium Perang Bank Kerapu. Sekiranya koleksi artifak yang ditawarkan oleh pembekal menepati kriteria sasaran yang ditetapkan, pihak muzium akan menghubungi pembekal bagi mendapatkan butiran-butiran penting mengenai koleksi kemudian membelinya mengikut perjanjian antara kedua-dua pihak. Koleksi artifak yang diperolehi ini seterusnya akan direkodkan sebelum disimpan ke dalam stor ataupun ruang pameran Muzium Perang Bank Kerapu.

4.2.2 Pendaftaran Koleksi

Proses pendaftaran koleksi atau artifak dilakukan setelah proses perolehan selesai dijalankan. Setiap koleksi atau artifak yang diperolehi perlu didaftarkan di dalam muzium bertujuan untuk direkodkan sebelum disimpan didalam penyimpanan koleksi artifak. Isi kandungan didalam pendaftaran ini termasuk sejarah, deskripsi mengenai artifak, Tarik perolehan, cara perolehan dan nombor pendaftaran. Proses ini penting kerana akan dijadikan sebagai rujukan dan pembelajaran bagi setiap artifak perang yang terdapat didalam Muzium Perang, Bank Kerapu.



Rajah 4.3: Carta Alir Pengurusan Pendaftaran Koleksi Artifak Perang Dunia Ke II.

Sumber: Kajian Lapangan

Carta alir dalam Rajah 4.3 menunjukkan proses pengurusan dalam pendaftaran koleksi artifak Perang Dunia Ke II di dalam Muzium Perang Bank Kerapu. Setelah koleksi diperolehi, pendaftaran koleksi mengikut perolehan tahunan akan dilakukan pada koleksi artifak yang telah diterima. Koleksi ini seterusnya akan didaftarkan mengikut klasifikasi artifak-artifak tersebut dan diletakkan *tag card* dan juga nombor pendaftaran untuk memudahkan rujukan

dan pengesanan fail dengan lebih berkesan. Kemudian penyediaan inventori dilakukan sebelum koleksi yang diperolehi disimpan di dalam ruang penyimpanan.

4.2.3 Pendokumentasian

Kerja pendokumentasian merupakan kerja merekodkan artifak dalam bentuk gambar atau video mengenai artifak yang terdapat di dalam muzium tersebut. Aktiviti ini dilakukan sebelum melakukan kerja-kerja konservasi terhadap artifak. Keadaan artifak akan direkodkan terlebih agar dapat melihat sendiri perbezaan antara keadaan asal dan juga selepas sesuatu artifak itu dikonservasikan.

4.2.4 Penyelidikan Konservasi


Penyelidikan konservasi merupakan kerja-kerja pengenalpastian yang dijalankan sebelum kerja konservasi artifak dilakukan. Pihak curator akan menjalankan penyelidikan mengenai jenis dan tahap kerosakan artifak yang diperolehi terlebih dahulu. Tujuannya adalah untuk memastikan kerja konservasi yang dilakukan pada langkah seterusnya sesuai dengan jenis kerosakan dan tahap kerosakan yang dialami oleh sesebuah artifak Perang Dunia Ke II yang ingin dikonservasikan.

4.2.5 Konservasi

Dalam setiap institusi permuziuman, proses konservasi akan dilakukan ke atas setiap koleksi artifak. Proses konservasi ini termasuk kerja-kerja pemeliharaan, pemuliharaan, restorasi, pembaikpulihan dan juga pembinaan semula. Menurut Encik Kamal Nasrun bin Abdullah, dalam Muzium Perang ini, mereka banyak menggunakan kaedah restorasi terhadap artifak-artifak yang terdapat di dalam muzium tersebut. Restorasi merupakan rawatan yang dijalankan terhadap artifak bagi mengembalikan objek tersebut kepada keadaan asal. Mereka menggunakan bahan-bahan yang terdiri daripada bahan-bahan tradisional untuk menggantikan bahan-bahan yang mengandungi kimia untuk menjaga keselamatan kawasan persekitaran.

4.2.6 Penyimpanan Koleksi

Setelah melalui proses pendaftaran, artifak-artifak tersebut akan disimpan dalam lokasi penyimpanan mengikut klasifikasi artifak tersebut. Semua artifak yang diperolehi harus di simpan diruangan penyimpanan dengan baik dan teliti bagi mengelakkan berlakunya kerosakan akibat kecuaiian. Hal ini demikian kerana, koleksi artifak yang sedia diperolehi telahpun mengalami kerosakan kerana sudah terlalu lama.



Rajah 4.4: Carta Alir Pengurusan Penyimpanan Koleksi Artifak Perang Dunia
Ke II

Carta alir pada Rajah 4.4 menunjukkan proses dalam penyimpanan koleksi artifak di dalam Muzium Perang Bank Kerapu. Dalam proses ini, sebelum artifak disimpan ke dalam stor, pihak yang bertugas akan mengisi borang yang diterima mengenai artifak yang hendak disimpan. Segala pergerakan keluar masuk artifak di dalam stor akan dimasukkan ke dalam buku rekod. Koleksi artifak yang telah direkodkan akan disusun di dalam stor mengikut klasifikasi dan diletakkan diruang penyimpanan yang telah ditetapkan. Penyimpanan koleksi artifak ini terbahagi kepada tiga iaitu penyimpanan secara tertutup, penyimpanan secara terbuka dan juga penyimpanan dalam bekas kaca. Penyimpanan secara tertutup ini dikhususkan kepada beberapa item artifak yang disimpan didalam stor penyimpanan seperti gebok sirih, kukur nyior, teko tembaga, dan paku pacing khemah dan selebihnya. Bagi penyimpanan terbuka pula terdiri daripada bot pendaratan

tentera yang digunakan pada zaman Perang Dunia ke II, basikal tentera Jepun dan juga beberapa mesingan seperti mesingan *browning* 0.303, senapang mortar 12.7 dan beberapa lagi artifak mesingan yang lain. Seterusnya, penyimpanan dalam bekas kaca pula terdiri daripada banet british, periuk api, kad pengenalan diri dan poskad Jepun dan banyak lagi. Setiap artifak ini disimpan dalam keadaan suhu, kelembapan dan pencahayaan yang sesuai dengan artifak-artifak tersebut.

Gambar-gambar artifak dalam ruangan penyimpanan terbuka



Rajah 4.5 Gambar Artifak Basikal Tentera Jepun Dalam Ruang Penyimpanan Terbuka

Sumber: Kajian Lapangan

Rajah 4.5 menunjukkan gambar Artifak Basikal Tentera Jepun yang disimpan dalam ruangan terbuka. Artifak Basikal Tentera Jepun ini dahulunya digunakan oleh tentera Jepun ketika ingin melakukan serangan melalui jalan darat di Tanah Melayu khususnya di Negeri Kelantan ketika itu. Artifak ini diletakkan berdekatan dengan artifak-artifak pedang pada ruang pameran

sebelah kiri di dalam muzium tersebut. Artifak ini juga disimpan dalam keadaan terbuka kerana saiz dan ketinggiannya serta jenis kerosakan yang dialami yang tidak seberapa teruk.



Rajah 4.6: Mesingan Browning 0.303 Dalam Ruangan Penyimpanan Terbuka

Sumber: Kajian Lapangan

Gambar dalam rajah 4.6 menunjukkan sebuah artifak senjata Perang Dunia ke II iaitu Mesingan Browning 0.303. Artifak jenis ini disimpan dalam ruangan terbuka dan diletakkan di atas batu-batu kecil berwarna putih dalam ruangan yang mempunyai suhu dan kelembahan yang sesuai. Tujuannya diletakkan di atas batu-batu putih yang kecil ini adalah untuk menjaga artifak ini daripada mudah diserang oleh serangga perosak. Selain itu, tujuan penyimpanan koleksi artifak ini diruangan seperti ini adalah untuk merencatkan proses pengkaratan yang berlaku pada koleksi artifak Mesingan Browning 0.303 ini.

Gambar-gambar artifak ruangan penyimpanan dalam bekas kaca



Rajah 4.7: Topi Besi Brodie, Topeng Gas British MK VII, dan Beg Gas British MK VII Dalam Ruangan Penyimpanan Bekas Kaca

Sumber: Kajian Lapangan

Gambar dalam rajah 4.7 menunjukkan koleksi-koleksi artifak dalam kategori peralatan pakaian Tentera Jepun. Koleksi-koleksi artifak ini disimpan di dalam ruangan bekas kaca dengan pencahayaan yang rendah pada ruangan penyimpanan untuk mengelakkan berlaku pendedaha yang berlebihan terhadap sinaran UV pada koleksi ini. Walaubagaimana pun, ketika gambar diambil sebagai bukti pemerhatian, cahaya pada ruangan koleksi ini dicerahkan sedikit bagi memudahkan penyelidik mengambil gambar koleksi artifak dengan lebih jelas dengan kebenaran daripada pihak pembantu muzium.



Rajah 4.8: Banet British Yang Diletakkan Dalam Ruang Penyimpanan
Bekas Kaca

Sumber: Kajian Lapangan

Rajah 4.8 menunjukkan koleksi artifak senjata jenis tajam yang juga disimpan dalam ruangan penyimpanan bekas kaca. Artifak ini dikenali sebagai Banet British. Banet British ini terletak pada bahagian hujung senapang dan berbentuk seperti pisau dan berfungsi sebagai senjata terakhir bagi pemilik-pemilik senjata ini pada ketika Perang Dunia Ke II. Artifak ini mudah diperbuat daripada tembaga dan mudah bertambah pengkaratannya apabila terdedah kepada kelembahan yang berlebihan. Oleh itu, artifak ini disimpan di dalam ruangan bekas kaca yang lut sinar agar mudah dilihat walaupun tidak boleh disentuh oleh para pengunjung.

Bagi artifak-artifak yang disimpan di dalam ruangan penyimpanan tertutup tidak dapat dilihat. Hal ini demikian kerana, proses kemasukan ke dalam stor penyimpanan tidak boleh dilakukan dengan sembarangan. Proses ini perlu dilakukan dengan kebenaran daripada pihak Pengarah Muzium melalui surat kebenaran yang dibenarkan sahaja. Menurut pembantu Muzium Perang Bank Kerapu iaitu Encik Kamal Nasrun bin Abdullah, stor ini hanya boleh

dimasuki oleh pihak yang akan menjalankan kerja-kerja konservasi dan pembersihan di dalam stor mengikut jadual yang telah ditetapkan.

4.3 Jenis-Jenis Kerosakan Yang Terdapat Pada Artifak Perang Dunia Ke II.

Artifak terbahagi kepada dua jenis iaitu artifak jenis organik dan juga artifak jenis bukan organik. Bagi sesetengah artifak organik dan artifak bukan organik mempunyai kerosakan yang sama namun digelar dengan cara yang berbeza. Misalnya, bagi artifak organik pelapukan merupakan kerosakan yang sering berlaku terhadap beberapa artifak yang terdedah kepada suhu dan kelembapan yang berlebihan. Manakala, bagi artifak non organik seperti besi atau tembaga pula, kerosakan yang hampir sama adalah kerosakan jenis pengkaratan. Bagi artifak-artifak Perang Dunia ke II yang terdapat di dalam Muzium Perang Bank Kerapu, terdapat beberapa jenis kerosakan yang dialami oleh artifak-artifak tersebut seperti:

1. Pengaratan
2. Debu halus
3. Berlubang

4.3.1 Pengaratan

Proses pengkaratan merupakan proses yang berlaku terhadap objek-objek yang diperbuat daripada bahan bukan organik atau logam seperti besi dan tembaga. Proses ini boleh berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti pendedahan terhadap oksigen dan air dalam jangka masa yang lama.

Pendedahan terhadap udara yang lembap akan menyebabkan objek atau artifak mengalami kerosakan dengan cepat. Dalam muzium ini, majoriti artifak-artifak tinggalan Perang Dunia Ke II merupakan artifak yang diperbuat daripada logam seperti tembaga. Hal ini kerana, ketahanan bahan buatan itu lebih tinggi dan tahan lama berbanding besi dan bahan-bahan lain. Menurut Encik Kamal Nasrun bin Abdullah, objek yang diperbuat daripada tembaga lebih mahal nilainya berbanding objek yang diperbuat daripada besi. Hal ini kerana ketahanannya yang lebih kuat berbanding besi. Beliau juga menyatakan bahawa, objek yang diperbuat daripada tembaga adalah lebih berat dan lambat melalui proses pengkaratan berbanding besi.

4.3.2 Debu halus

Dalam artifak jenis tekstil akan selalu dikaitkan dengan kerosakan jenis debu. Debu-debu halus ini didapati pada beberapa artifak seperti sarung pistol Jepun. Kerosakan jenis debu ini berlaku apabila sesuatu objek atau artifak tersebut terdedah dengan kawasan yang berhabuk. Habuk-habuk tersebut akan melekat pada kain kerana sifatnya yang membuatkan objek-objek halus mudah melekat.

4.3.3 Berlubang

Artifak yang mengalami kerosakan yang teruk akan mudah berlubang kerana sudah berada pada tahap yang teruk. Sama seperti artifak Perang Dunia ke II yang mengalami proses pengkaratan pada tahap yang teruk, artifak-artifak semakin rapuh dan berlubang pada beberapa bahagian artifak tersebut.

Misalnya, artifak Bot Pendaratan Tentera Jepun telahpun mengalami kerosakan yang teruk sehingga menyebabkan bahagian tepi bot tersebut berlubang dan tidak dapat ditampal untuk menutupi lubang tersebut. Selain Bot Pendaratan Tentera Jepun, artifak yang dikenali sebagai Periuk Api juga mengalami kerosakan yang teruk sehingga menyebabkan artifak tersebut mempunyai banyak lubang di sekitar permukaannya.

4.4 Proses Pemeliharaan Yang Dijalankan Oleh Pihak Muzium

Setiap kerosakan yang berlaku terhadap artifak perlu dikonservasikan. Proses konservasi terbahagi kepada beberapa cara iaitu seperti pemeliharaan dan pemuliharaan, restorasi atau pemugaran, pembinaan semula dan juga proses pembaikpulihan. Bagi artifak-artifak yang terdapat di dalam Muzium Perang, proses pemeliharaan yang dijalankan adalah menggunakan kaedah restorasi. Pihak konservator menggunakan bahan-bahan semula jadi untuk mengembalikan artifak-artifak tersebut dalam keadaan asal. Beberapa langkah dijalankan dalam proses pemeliharaan artifak di Muzium Perang Bank Kerapu:

4.4.1 Pembersihan

Artifak yang diperolehi dibersihkan terlebih dahulu daripada debu-debu halus menggunakan berus yang lembut bagi mengelakkan berlaku kecacatan tambahan pada artifak. Kaedah ini dijalankan dengan perlahan dan teliti. Proses pembersihan ini berbeza mengikut tahap kerosakan koleksi artifak Perang Dunia ke II. Kerja-kerja pembersihan dilakukan bukan sahaja bertujuan untuk membuang debu-debu halus

yang terdapat pada artifak, malah juga membersihkan bahagian karat pada artifak yang masih boleh dibuang.

4.4.2 Cucian

Sesetengah artifak yang ada perlu dicuci dan ada juga artifak yang tidak perlu dicuci ketika proses konservasi. Proses ini dilakukan bergantung pada jenis kerosakan artifak. Dalam proses ini juga artifak-artifak ini akan dicuci menggunakan beberapa bahan semula jadi. Apabila artifak yang mempunyai pengkaratan yang banyak, konservator menggunakan bahan-bahan seperti air limau, air asam jawa dan air nenas. Penggunaan bahan semula jadi ini digunakan bagi menggantikan bahan-bahan yang berunsurkan kimia. Tujuannya adalah untuk menjaga kelestarian alam dan mengelakkan daripada berlakunya sebarang pencemaran disebabkan oleh penggunaan bahan kimia. Menurut Encik Kamal Nasrun bin Abdullah, pihak muzium juga terpaksa menggunakan bahan-bahan semula jadi atas sebab faktor kewangan. Beliau juga menerangkan bahawa penggunaan bahan kimia akan mengeluarkan kos yang banyak. Manakala, pihak Muzium Perang Bank Kerapu pula tidak dapat menampung kos yang banyak berikutan faktor kurang mendapat bantuan daripada pihak kerajaan. Oleh itu, penggunaan bahan semula jadi dalam proses ini merupakan jalan selamat dan menjimatkan lagi pengeluaran kewangan pihak Muzium Perang Bank Kerapu.

4.4.3 Pengeringan

Pengeringan merupakan kerja yang dilakukan selepas sahaja aktiviti pembersihan atau cucian dijalankan terhadap artifak Perang Dunia ke II. Setelah artifak-artifak selesai dibersihkan dan dicuci, artifak-artifak ini akan dikeringkan terlebih dahulu sebelum disimpan ke ruangan simpanan. Proses pengeringan ini bukan hanya diletakkan dikeringkan dibawah cahaya matahari kerana hal ini akan mendedahkan artifak tersebut kepada udara yang bercampur kelembapan. Terdapat kaedah lain yang dilakukan dalam proses pengeringan ini seperti kaedah lap bahagian artifak yang basah dengan menggunakan kain secara perlahan sehingga kering dan tidak lembap.

4.4.4 Penyimpanan

Proses penyimpanan merupakan proses akhir yang dilakukan. Setiap artifak yang telah dibersihkan akan diletakkan ke dalam ruangan simpanan mengikut jenis jenis kerosakan dan tahap kerosakan artifak tersebut. Setiap lokasi penyimpanan adalah berbeza. Terdapat artifak-artifak yang disimpan masuk ke dalam stor dan terdapat juga artifak-artifak yang diletakkan diruangan pameran mengikut tempat yang disediakan. Dalam Muzium Perang Bank Kerapu, mereka menggunakan cahaya yang sederhana dan bebas daripada cahaya ultra ungu bagi memastikan artifak tidak terdedah kepada sinaran UV yang berlebihan.

Dalam proses pemeliharaan ini, terdapat juga artifak yang tidak perlu dicuci seperti artifak yang diperbuat daripada benang seperti

sarung pistol. Artifak ini hanya perlu dibersihkan daripada debu-debu halus dan juga serangga-serangga perosak yang terdapat pada koleksi sebelum disimpan ke dalam ruangan simpanan. Ruang, kelembapan dan pencahayaan bagi penyimpanan koleksi seperti ini juga perlu diambil kira kerana terdapat koleksi artifak yang tidak boleh terlalu terdedah kepada sinaran UV atau kelembapan yang berlebihan kerana akan memberikan kesan sampingan terhadap koleksi artifak tersebut. Selain itu, terdapat juga artifak lain yang mana akan diletakkan minyak khas pada keseluruhan bahagian artifak tersebut bagi mengurangkan proses pengkaratan yang boleh menyebabkan artifak tersebut menjadi rapuh. Misalnya, konservator menyapu minyak hitam pada artifak bot pendaratan tentera bagi mengurangkan kerapuhan artifak tersebut.



Rajah 4.9: Pingat Pacific Star, Tempat Letak Sabun Dan Sarung Pistol British Yang Hanya Dibersihkan Daripada Debu Halus Sebelum Disimpan Ke Dalam Bekas Kaca.

Sumber: Kajian Lapangan

Rajah 4.9 menunjukkan gambar bagi beberapa koleksi artifak Perang Dunia Ke II yang disimpan di dalam bekas kaca lutsinar. Antara koleksi artifak yang disimpan di dalam bekas ini adalah gambar Pingat Pacific Star. Tiga lagi koleksi artifak yang turut disimpan di dalam simpanan ini diperbuat daripada benang yang boleh dikategorikan sebagai tekstil iaitu Tempat Letak Sabun dan juga Sarung Pistol. Artifak-artifak jenis ini tidak perlu konservasikan dengan menggunakan kaedah cucian mahupun pengeringan. Sebaliknya, artifak-artifak ini hanya perlu dikonservasikan dengan cara membersihkan debu-debu halus dan serangga-serangga kecil yang boleh merosakkan koleksi artifak ini.



Rajah 4.10: Bot Pendaratan Tentera Yang Disapu Minyak Hitam Bagi Mengelakkan Pengkaratan Yang Menyebabkan Kerapuhan Artifak Tersebut.

Sumber: Kajian Lapangan

Rajah menunjukkan gambar artifak Bot Pendaratan Tentera Jepun yang terdapat di ruang pameran Muzium Perang Bank Kerapu. Artifak Bot Pendaratan Tentera ini telah dijumpai di kawasan Sungai Kelantan iaitu di kawasan Kampung Palekbang Tumpat, Kelantan. Berdasarkan rujukan pada

bahagian pameran artifak ini, Bot Pendaratan Tentera ini dikatakan berfungsi untuk dijadikan sebagai kemudahan pengangkutan selain daripada kapal Awagisan Maru, Sakura Maru dan juga kapal Ayatosan Maru yang digunakan untuk mengangkut para tentera Jepun. Artifak bot yang diperbuat daripada besi ini menunjukkan kerosakan yang teruk akibat proses pengkaratan yang teruk pada bahagian badan artifak tersebut. Kerosakan ini terlihat dengan jelas apabila kerapuhan pada artifak tersebut menyebabkannya menjadi berlubang pada sebahagian badan artifak Bot Pendaratan. Dalam proses konservasi untuk memelihara artifak ini, konservator menggunakan bahan seperti minyak hitam untuk merencatkan kerosakan yang terdapat pada artifak tersebut agar dapat tahan lebih lama.

4.5 Rumusan Bab 4

Secara kesimpulannya, dapatan kajian merupakan aspek yang penting dalam penyelidikan ini. Hasil dapatan kajian ini didapati setelah penyelidik menjalani pemerhatian secara langsung semasa kajian lapangan dijalankan. Melalui bab ini, penyelidik dapat menerangkan dengan lebih terperinci mengenai hasil kajian yang diperolehi. Antara aspek yang diberi penekanan di dalam bab ini adalah mengenai objektif kajian yang dipilih. Penyelidik menerangkan mengenai proses awal perolehan koleksi artifak sehingga proses penyimpanan dalam pengurusan konservasi terhadap artifak di dalam Muzium Perang Bank Kerapu. Dalam bab ini juga penyelidik dapat menerangkan mengenai jenis-jenis kerosakan yang terdapat pada koleksi artifak Perang

Dunia ke II sekaligus menerangkan proses pemeliharaan yang dilakukan terhadap koleksi-koleksi artifak tersebut.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan mengenai kajian yang telah dijalankan. Pengkaji memberi penekanan terhadap objektif kajian yang diberi fokus sepanjang menjalankan kajian. Seterusnya, pengkaji juga memberikan cadangan penambahbaikan terhadap institusi Muzium Perang Bank Kerapu dari aspek pengurusan dan kaedah pemeliharaan serta penyimpanan terhadap artifak-artifak yang terdapat di dalam muzium tersebut.

5.2 Rumusan Kajian

Hasil daripada kajian yang melibatkan ketiga-ketiga objektif kajian, pengkaji merumuskan bahawa pengurusan artifak di dalam muzium merupakan sesuatu yang umum termasuklah dari aspek perolehan dan pengurusan terhadap artifak dan juga muzium. Hal ini merupakan sesuatu yang umum bagi kesemua muzium. Walaubagaimanapun, pengkaji sedikit sebanyak dapat belajar sesuatu yang baru mengenai kepentingan dalam pengurusan koleksi artifak yang baik. Hal ini kerana, setiap pengurusan akan mempengaruhi keadaan dan keselamatan artifak itu sendiri.

Seterusnya, melalui kerosakan yang-kerosakan yang terdapat pada setiap artifak, pengkaji mendapati bahawa, terdapat juga artifak yang tidak dapat dikonservasikan. Misalnya artifak Periuk Api hanya dapat diletakkan di dalam bekas kaca yang sesuai tanpa perlu disentuh. Pengkaji juga mendapati

bahawa kesemua artifak yang terdapat di dalam Muzium Perang Dunia Ke II hanya melalui proses restorasi.

Pada objektif yang ketiga, pengkaji merumuskan bahawa kaedah dalam pemeliharaan bagi setiap artifak adalah berbeza mengikut kerosakan yang dialami. Suhu, kelembapan dan pencahayaan juga didapati amat penting untuk dititikberatkan dalam setiap penyimpanan artifak kerana akan mempengaruhi keadaan artifak itu sendiri. Secara keseluruhannya, pengkaji perlu meneliti lebih banyak mengenai objektif kajian bagi mendapatkan hasil kajian yang tepat dan memuaskan.

5.3 Cadangan

Dalam bahagian cadangan, pengkaji memberikan beberapa cadangan penambahbaikan terhadap Muzium Perang Bank Kerapu.

5.3.1 Penambahan Maklumat Mengenai Artifak

Setiap artifak yang dipamerkan mempunyai sejarah dan maklumatnya perolehannya. Penambahbaikan terhadap maklumat mengenai artifak-artifak penting sebagai rujukan kepada para pengunjung yang datang. Setelah menjalani kajian lapangan, pengkaji mendapati bahawa terdapat artifak-artifak yang dipamerkan namun kurang maklumat mengenai artifak tersebut. Pengkaji berharap akan pihak Muzium Perang Bank Kerapu Negeri Kelantan memberi penekanan mengenai permasalahan ini agar dapat ditambahbaik bagi rujukan para pengunjung yang akan datang. Pengkaji mencadangkan agar setiap

artifak yang dipamerkan perlu diletakkan maklumat yang jelas termasuk sejarah dan juga perolehan artifak tersebut. Hal ini kerana, meskipun pihak permuziuman dapat menerangkan kepada para pengunjung yang datang, namun apabila berlaku keadaan dimana terdapat ramai pengunjung yang datang, hal ini akan merumitkan pihak yang bertugas untuk memberikan penerangan bagi setiap artifak yang dipamerkan.

5.3.2 Penambahbaikan Laman Sesawang Muzium Perang Bank Kerapu

Laman sesawang merupakan laman yang mudah dikunjungi oleh masyarakat untuk membuat sebarang rujukan. Kekemasan dan juga ketepatan perkongsian maklumat di dalam laman sesawang adalah penting bagi setiap institusi permuziuman. Keperluan ini adalah untuk memudahkan pencarian maklumat mengenai maklumat artifak-artifak yang terdapat di dalam muzium tersebut sama ada dari aspek konservasi atau penyimpanan. Semasa membuat carian mengenai Muzium Perang ini, pengkaji mendapati bahawa maklumat yang disampaikan di dalam laman sesawang tersebut sangat kurang. Dalam mengatasi masalah ini, pihak yang bertugas dalam menjaga laman sesawang perlulah mengambil kira dalam menambahbaik maklumat-maklumat yang disampaikan. Seterusnya, pihak muzium juga boleh mempromosikan pameran artifak Perang Dunia Ke II menggunakan laman sesawang yang sedia ada bagi menarik perhatian masyarakat luar.

5.3.3 Menggunakan Sistem Pendigitalan Dalam Muzium

Di era yang semakin maju ini, penggunaan teknologi media dalam institusi permuziuman sangat penting. Beberapa institusi permuziuman telah menggunakan sistem teknologi media dalam muzium seperti tayangan mengenai sejarah-sejarah koleksi yang terdapat di dalam muzium mereka. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pihak Muzium Perang Bank Kerapu juga menggunakan teknologi yang sebegitu rupa bagi meningkatkan lagi kredibiliti dan memantapkan lagi penyampaian maklumat sedia ada. Hal ini kerana, penggunaan sistem ini akan memudahkan para pengunjung memahami lebih jelas mengenai sejarah atau maklumat lain sama ada berkaitan penubuhan Muzium Perang mahupun koleksi-koleksi artifak dan sejarahnya yang terdapat di dalam muzium tersebut. Seterusnya, penyediaan sistem pendigitalan dalam pelbagai Bahasa juga amat penting. Hal ini bertujuan untuk memudahkan para pengunjung sama ada yang tidak boleh memahami Bahasa Melayu atau sebaliknya untuk mudah memahami penyampaian dalam media tersebut.

5.3.4 Pengubahsuaian Lokasi Penyimpanan

Lokasi penyimpanan yang teratur merupakan aspek penting dalam menarik perhatian pengunjung. Pengkaji mendapati bahawa, penyimpanan bagi sesetengah artifak ini diletakkan dalam kawasan yang berdekatan dan sedikit rapat. Apabila berlaku keadaan ramainya pengunjung yang datang, hal ini akan menyebabkan berlaku kesesakan dalam sesetengah kawasan. Pengkaji mencadangkan agar pihak muzium menambahkan kemudahan prasarana dan lokasi penyimpanan artifak-artifak Perang Dunia ke II agar

wujudnya penyimpanan koleksi yang lebih kondusif dan kemas serta mesra pengunjung.

5.4 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, penyelidikan terhadap Pengurusan Konservasi Terhadap Artifak Perang Dunia Ke II sangat penting untuk dijalankan. Melalui penyelidikan ini, penyelidik akan dapat meningkatkan pengetahuan mengenai proses pengurusan konservasi terhadap artifak sekaligus dapat dijadikan sebagai rujukan pada masa akan datang. Pemilihan artifak Perang Dunia ke II dilakukan kerana penyelidik ingin melihat sendiri kerosakan-kerosakan yang ada pada koleksi-koleksi artifak Perang Dunia ke II yang sebelum ini sangat kurang rujukannya di dalam laman sesawang. Pelbagai kaedah telah dilakukan untuk memastikan penyelidikan ini dapat dijalankan dengan baik dan menjawab objektif-objektif kajian yang dipilih.

RUJUKAN

Abd Wahid Jais, Abd Aziz Abd Rashid (2007), Artifak Peradaban Melayu Dalam Koleksi Muzium Seni Asia Universiti Malaysia: Usaha Mewujudkan Inventori Budaya. Diperoleh daripada

<http://eprints.um.edu.my/id/eprint/17103>

Norsimah binti Lakassa (2007), Kajian Pengurusan Koleksi Zoologi Di Muzium Sarawak. Diperoleh daripada

[https://ir.unimas.my/id/eprint/7512/1/KAJIAN%20PENGURUSAN%20KOLEKSI%20ZOOLOGI%20DI%20MUZIUM%20SARAWAK%20\(24%20pages\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/7512/1/KAJIAN%20PENGURUSAN%20KOLEKSI%20ZOOLOGI%20DI%20MUZIUM%20SARAWAK%20(24%20pages).pdf)

Nurulnadia binti Mohamed (2013), Pemuliharaan Tembaga di Muzium Negeri Terengganu. Diperolehi daripada

<https://ir.unimas.my/id/eprint/21166/>

Freddie Aziz Jasbindar (2019), Kapak Genggam Paling Tua di Dunia dijumpai di Lenggong. Diperolehi daripada

<http://www.google.com/amp/s/www.prangperak.com/kapak-genggam-paling-tua-di-dunia-dijumpai-di-lenggong.html>

Marziana Mohamed Alias (2019), USM Serah Kembali Meriam Bersejarah Kepada Kerajaan Negeri. Diperoleh daripada

<https://news.usm.my/index.php/berita-mutakhir/6195-usm-serah-kembali-meriam-bersejarah-kepada-kerajaan-negeri>

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (2021), Muzium Perang Bank Kerapu.

Diperoleh daripada

<https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/muzium3/muzium-perang-bank-kerapu>

Zarul Amri bin Zakaria & Abd Karim bin A. Bakar, (2011).

Kompilasi Kajian Kes Konservasi Artifak. Bil (49-94). Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia

Zarul Amri bin Zakaria, Muhammad Daud & Azali Muhammad, (2009).

Konservasi Artifak Meriam Sejarah Kaedah Saintifik. Bil (13-28). Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN